

47
Jilid I
Bii. 2



Hari Rabu
5hb November, 1975

LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESYUARAT YANG KETIGA
Third Meeting

Jilid 1
Bii. 2



Hari Rabu
5hb November, 1975

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT

FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESYUARAT YANG KETIGA
Third Meeting

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG DALAM JAWATANKUASA PERBEKALAN [112]

USUL-USUL [113, 157 DAN 158]

PENANGGUHAN [165]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG KEDUA

MESYUARAT YANG KETIGA

Hari Rabu, 5hb November, 1975

HAZIR :

Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)

Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Noor bin Haji Ahmad, P.U.P.)

- | | | |
|---|---|---|
| „ | „ | Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.) |
| „ | „ | Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.M.N., J.P.) |
| „ | „ | Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.) |
| „ | „ | Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.) |
| „ | „ | Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.) |
| „ | „ | Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng <i>alias</i> Khor Gark Kim) |
| „ | „ | Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh <i>alias</i> Mat Noor, P.J.K.) |
| „ | „ | Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.) |
| „ | „ | Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.) |
| „ | „ | Kawasan Paya Terubung (Encik Khoo Teng Chye) |
| „ | „ | Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.) |
| „ | „ | Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed <i>alias</i> Mahmud, P.P.N.) |
| „ | „ | Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.) |
| „ | „ | Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.) |
| „ | „ | Kawasan Nibong (Dr Choong Sim Poey) |
| „ | „ | Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.) |
| „ | „ | Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin <i>alias</i> Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.) |
| „ | „ | Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.) |
| „ | „ | Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee) |
| „ | „ | Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun) |
| „ | „ | Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan <i>alias</i> Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.) |
| „ | „ | Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How) |
| „ | „ | Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy) |

TIDAK HAZIR

Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)

„ „ Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah, J.P.)

TURUT HAZIR :

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Lee Thin Pee, P.K.T., P.J.K., P.T.D.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

DOA

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya tidak mahu buang masa Dewan ini tetapi saya mestilah ucapkan terimakasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul saya.

Ada beberapa perkara-perkara berguna yang timbul yang Kerajaan Negeri boleh ambil perhatian dan tindakan. Tapi, nampak saya, kali ini Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal telah menunjukkan bahawa beliau membuang masa sedikit untuk menyiasat apa yang kita mesti bincang dalam Dewan ini, dan jika Appendix A, mengikut Kertas 14, boleh menolong dengan beliau, saya harap Budget atau Anggaran yang kita ada sekarang boleh menolong dengan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tanggungjawab Dewan ini ialah tanggungjawab di mana semua Ahli-ahli yang mewakili rakyat kita di dalam Negeri Pulau Pinang mestilah menjaga akan kewangan Negeri kita sebab jika Kerajaan tidak dapat sokongan yang kuat daripada rakyat, dan jika kewangan Negeri kita lemah, projek-projek dan pentadbiran-pentadbiran baru yang kita hendak jalankan untuk kebaikan masyarakat kita tidaklah boleh dijalankan. Sebab itu saya ucapkan lagi sekali berapa perkara yang dibawa yang berbangkit daripada Ahli Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam. Apa yang berguna Kerajaan ambil perhatian dan tindakan. Sungguhpun beliau ialah seorang Ahli daripada Parti Pembangunan, saya ingat beliau sendiri faham pengambilan tanah ini adalah satu perkara yang rakyat sendiri mestilah mengikut dengan teliti sebelum mereka membeli tanah.

Dengan izin, Datuk Yang Dipertua: Section 9 (3) of the Land Acquisition Act, 1960, requires the Collector to enter the note of the intended acquisition upon the Register Document of Title, and Section 31 (3) B of the National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act, 1963, especially in form D, requires that the note on intended acquisition on the Interim Register under

the heading "Other Known Encumbrances" should also be notified. The Honourable Member from Pekan Bukit Mertajam had already indicated that the Government has a gazetted by-law for the intended land of acquisition and it is only through careful examination of purchase of land that individual intending purchases could avoid any kind of encumbrances on land which they may require to purchase. So I feel that this is a section where the Legal Advisers to individuals intending to purchase land should act with greater caution. But the provisions of the law are adequate.

With regard to 203 on "Search", ini bukan satu perkara pendapatan. Ini bukan tujuan Kerajaan mencari pendapatan daripada Pejabat Tanah dan Galian. It is not our intention to obtain revenue or to seek increased revenue from searches. The Government will assure the Honourable Members and people in Penang that the improved services which cost us very much more will be provided to the people and certainly Government will look into cases of hardship to alleviate them wherever possible but it is not intended to be an item of increase.

Datuk Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal membawa beberapa perkara-perkara yang saya fikir tidak laku dalam bahasan Rang Undang-undang yang kita ada di sini sebab perkara-perkara yang dibawa tidak ada gunanya bila kita bahaskan Anggaran Pembangunan. Sebab itu tidak gunalah saya menjawab kepada berapa perkara-perkara yang beliau telah bawa dan membangkitkan dalam bahasan ini.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang dalam Jawatan-kuasa Perbekalan.

Wang sebanyak \$3,968,040 untuk Kepala B1 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$284,110 untuk Kepala B2 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,521,260 untuk Kepala B3 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$434,620 untuk Kepala B4 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$2,766,260 untuk Kepala B5 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$359,390 untuk Kepala B6 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$126,880 untuk Kepala B7 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$257,640 untuk Kepala B8 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$895,240 untuk Kepala B9 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$7,362,070 untuk Kepala B10 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$341,530 untuk Kepala B11 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$538,070 untuk Kepala B12 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$254,750 untuk Kepala B13 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,753,800 untuk Kepala B14 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$914,360 untuk Kepala B15 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$792,070 untuk Kepala B16 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jadual, Fasal 1 dan Fasal 2, dan tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dewan bersidang semula.

Bacaan Yang Ketiga.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan

(1976), 1975 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatan-kuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

5. USUL-USUL.

A. Usul oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$80,596,400 yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan 1976 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri No. 15 Tahun 1975 yang menetapkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan tahun 1976.”

Datuk Yang Dipertua, Usul ini bertujuan meminta kuasa Dewan Undangan Negeri bagi membelanjakan sejumlah \$80,596,400 untuk Projek Pembangunan dalam tahun 1976 dan Usul ini ialah untuk mematuhi kehendak-kehendak undang-undang seperti mana yang tersyarat dalam Seksyen 4 (1) di bawah Akta Pembangunan tahun 1966 dan dikenakan ke atas Negeri Pulau Pinang di Seksyen 9 dalam Akta yang sama.

Datuk Yang Dipertua, bila saya mengusulkan Rang Undang-undang Perbekalan, saya telahpun menyatakan bahawa kita mesti membuat persediaan untuk Rancangan Malaysia yang Ketiga dan saya telah menyatakan bahawa kehendak-kehendak perbekalan Negeri hanya boleh disedari bila kita mengkaji dan memahami Rang Undang-undang Perbekalan bersama-sama dengan Anggaran Pembangunan. Kedua-dua peruntukan perbelanjaan Kerajaan ini menentukan corak pentadbiran, perkhidmatan dan pembangunan Negeri.

Sebelum saya menyentuh butir-butir lanjut tentang anggaran pembangunan tersebut, adalah sangat perlu bagi semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini memahami bahawa Rancangan Malaysia Ketiga akan terus melaksanakan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru:

- (i) Untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum.
- (ii) Menyusun semula masyarakat.

Di dalam Negeri Pulau Pinang kita telahpun menterjemahkan dengan tegasnya Dasar Ekonomi Baru dari segi memperindustrikan dan memperbandarkan kawasan-kawasan desa serentak dengan memperkembangkan dan mempelbagaikan Pertanian Pekebunan bersama-sama dengan pembaruan bandar.

Untuk memahami strategi keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah sedar bahawa rancangan ini akan melancarkan perlaksanaan peringkat kedua Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai matlamat-matlamat yang telahpun ditetapkan untuk tempoh rancangan tersebut iaitu dari tahun 1970 hingga 1990. Di dalam garis panduan pelan-pelan Jangka Panjang untuk tempoh 1970 hingga 1990, Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein telah menyatakan: "Perubahan-perubahan rangka bentuk ekonomi adalah perlu jika mahu dilaksanakan usaha menghapuskan kemiskinan dan perimbangan kaum di Negara ini. Perubahan ini perlu memastikan bertambahnya penyertaan sektor pengilangan dalam ekonomi dari 16% menjelang tahun 1990."

Datuk Yang Dipertua, dalam hal ini Pulau Pinang telah mencapai kejayaan yang besar dalam usaha-usaha untuk melaksanakan perindustrian kawasan-kawasan desa. Kita telahpun mengatasi masalah utama yang dihadapi oleh Negeri ini dalam masa lima tahun yang lalu, iaitu untuk mendapatkan pekerjaan bagi sektor penganggur yang besar di antara penduduk-penduduk kita. Kita telahpun dapat berbuat demikian oleh kerana bukan sahaja Dasar Kerajaan yang betul dan yang telah dilaksanakan dengan tegasnya, tetapi juga oleh kerana rakyat di Negeri ini

telahpun menerima baik cabaran yang ada di hadapan mereka dan telah memberi sokongan yang penuh kepada pimpinan Kerajaan.

Peruntukan-peruntukan yang akan kita kemukakan di dalam Anggaran Pembangunan adalah berasaskan kepada mutu rakyat kita untuk menemui cabaran-cabaran yang akan timbul dengan cara yang berkesan. Kesetabilan politik kita adalah berasaskan kepada sokongan yang kuat yang telahpun diberi oleh rakyat kita kepada Kerajaan. Mutu pemikiran yang tinggi dan kebolehan-kebolehan rakyat kita terutama sekali pekerja-pekerja telahpun memberi keyakinan kepada kita bahawa kita akan menjamin masa depan yang cerah kepada semua rakyat.

Perbelanjaan Pembangunan untuk tahun depan 1976, Datuk Yang Dipertua, memulakan suatu peringkat baru dalam usaha-usaha Kerajaan ke arah mencapai suatu kedudukan masa depan yang cerah untuk rakyat kita dan bagi mengadakan suatu masyarakat yang adil dan saksama. Kita sekecilian telah diperangsangkan oleh semangat dan ketekunan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di dalam ucapan beliau di seminar Peluang-peluang Pelaburan Antarabangsa di Malaysia yang telah diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Dengan izin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata:

"The bulk of the poor are in the rural areas and though concentrated mainly among Malays engaged in traditional forms of agricultural production, there is also poverty among other Malaysians of Chinese and Indian origins both in the rural and urban areas. The problem of the poor is therefore a national one and requires the implementation of comprehensive policies in rural development and industrialisation to reduce unemployment, to raise productivity and to create new employment opportunities".

Datuk Yang Dipertua, kita mestilah menerima kenyataan bahawa masalah kemiskinan tidak mengetahui batasan perkauman dan cara yang sesuai bagi mengatasi masalah kemiskinan akan menjamin pemupukan suatu Masyarakat Malaysia yang bersatupadu di masa hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah menyedari bahawa usaha-usaha kita bagi menambahkan peluang ekonomi atau *economic cake* mestilah disebarkan kepada usaha-usaha socio-ekonomi dengan seluas-luasnya. Kita menyokong dengan sepenuhnya konsep Rancangan Malaysia Ketiga sebagai dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Dan di sini saya membaca: "Asas Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan tahun hadapan akan ditumpukan kepada pendekatan dari berbagai segi bagi menghapuskan kemiskinan agar sungguhpun kandungan rancangan ini akan terus menitikberatkan, kawasan-kawasan yang kurang maju, langkah-langkah yang diambil akan meliputi semua kaum di kalangan petani, peladang, pekerja ladang, buruh pertanian, penduduk kampung baru dan orang-orang miskin dibandar".

Datuk Yang Dipertua, untuk menghadapi cabaran-cabaran yang dikemukakan oleh pemimpin Negara kita yang terkemuka, Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, kita mesti mentafsirkan Rancangan Malaysia yang Ketiga dalam Konteks masalah-masalah yang dihadapi di dalam Negeri Pulau Pinang dan di sini suka saya menegaskan bahawa dalam Pendekatan dari berbagai segi ini (multi-dimensional approach) Kerajaan Negeri akan senantiasa mengingatkan keperluan bagi menentukan terutamanya kemajuan ekonomi Bumiputra. Penubuhan Pasukan Petugas untuk mengkaji masalah-masalah Bumiputra di dalam Negeri akan menjamin bahawa pembangunan-pembangunan yang akan dilaksanakan di dalam Pulau Pinang mengikut Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan tidak akan mengenyakan tanggungjawab keseluruhannya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Bumiputra dalam Negeri Pulau Pinang sementara menjamin pembangunan-pembangunan socio-ekonomi yang akan mendatangkan kedudukan yang lebih maju dan bahagia untuk rakyat keseluruhannya.

Datuk Yang Dipertua, kita hendak mengkaji peruntukan-peruntukan Anggaran Pembangunan tahun 1976 di dalam konteks keseluruhannya yang

saya sebutkan tadi. Kita perlu mengambil perhatian bahawa Anggaran tahun 1976 akan menamatkan Rancangan Malaysia Kedua dan akan membawa kita ke arah masa depan mengikut objektif-objektif penting dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1976 akan menghasilkan kekurangan sebanyak \$1,600,520. Tapi bila kita mempertimbangkan cadangan kekurangan ini dalam Konteks anggaran perbelanjaan yang besar sebanyak \$80,596,400 akan menyedari bahawa Kerajaan Negeri adalah yakin bahawa kita akan mengekalkan usaha-usaha pembangunan dalam tahun 1976 dengan semangat yang kuat dan berkesan dan kita akan berjaya mengawal perbelanjaan sejumlah tersebut agar kita dapat capai faedah yang maksima untuk setiap sen yang dibelanjakan.

Datuk Yang Dipertua, anggaran ulangkaji Pembangunan untuk tahun 1975 menunjukkan kelebihan sebanyak \$3,310,090. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik sebanyak \$4,226,982 sebagai bayaran pokok dan faedah pinjaman oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Kita yakin bahawa agensi-agensi pembangunan kita akan terus mengekalkan keupayaan kewangan di masa-masa hadapan. Pelaksanaan kita dalam tahun yang lepas adalah lebih menarik perhatian jika kita mengingat semula bahawa Anggaran Pembangunan tahun 1975 telah meramalkan kekurangan sebanyak \$3,719,547.

Datuk Yang Dipertua, sumbangan Negeri kepada Anggaran Pembangunan untuk tahun 1976 akan berjumlah \$19,123,400. Punca-punca pendapatan lain yang dianggarkan bagi membiayai projek-projek pembangunan dalam tahun 1976 yang berjumlah sebanyak \$61,473,000 telahpun dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk keputusan oleh Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan pinjaman-pinjaman yang akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri atau agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Datuk Yang Dipertua saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Per-

sekutuan di atas sokongan yang telah diberi kepada Negeri Pulau Pinang terhadap permohonan untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman di masa-masa lampau. Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah sedar tentang kenyataan bahawa kerjasama yang rapat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telahpun membolehkan kita mempersetujui di atas berbagai-bagai projek pembangunan dalam Negeri ini. Tetapi pada kesudahannya faktur yang penting sekali ialah kebolehan pihak Kerajaan Negeri menemui pembayaran-pembayaran balik pinjaman-pinjaman, yang menentukan keteguhan kredit. In the final analysis it depends upon the credit-worthiness of the State.

Datuk Yang Dipertua, semasa saya membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, saya telah menyatakan bahawa kita hendaklah senantiasa mengekalkan keteguhan kredit kewangan dan menjelaskan tetap pada masanya pinjaman dan bayaran-bayaran faedah yang perlu dibuat tiap-tiap tahun. Dalam tahun 1976 kita perlu membayar kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak \$13,167,050 melalui Perbelanjaan Mengurus dalam Belanjawan Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengerti bahawa dalam tahun-tahun 1974 dan 1975, Kerajaan Negeri telahpun membayar balik pinjaman yang berjumlah \$20,360,948. Adalah sangat perlu bagi Anggaran-anggaran Pembangunan kita dilaksanakan dengan cara supaya pendapatan-pendapatan yang akan diperoleh daripada pembangunan akan dapat menemui pembayaran balik pinjaman dan bayaran-bayaran faedahnya.

Datuk Yang Dipertua, di Persidangan Dewan Undangan yang lalu, Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun meluluskan dua Rang Undang-undang iaitu Enakmen Pinjaman (Bank-bank) (Pembangunan Projek-projek Perusahaan, Perdagangan dan Perumahan), 1975 dan Enakmen Jaminan Pinjaman (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) 1975, dan kedua-dua Enakmen ini telah menjadi Akta di dalam Negeri Pulau Pinang dan semasa perbahasan di atas Rang Undang-undang tersebut saya telah menyatakan bahawa kelulusan Rang Undang-undang itu merupakan suatu kemajuan yang penting dalam

peraturan-peraturan kewangan yang baik di dalam Negeri. Sesungguhnya Kerajaan Persekutuan telahpun mendapatkan pinjaman sebanyak \$25 juta untuk Kerajaan Negeri daripada suatu Konsortium bank-bank tempatan (the local banks' Consortium) dan Kerajaan Negeri telahpun memindahkan wang pinjaman tersebut kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1976, saya telahpun merujukkan butir-butir kepada peruntukan-peruntukan pendapatan yang tidak berasaskan kepada cukai untuk menjelaskan pinjaman baru ini.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada Pengerusi Persatuan Bank-bank di Pulau Pinang dan juga Ahli-ahli dalam Konsortium bank-bank yang telah memberi sokongan kepada pembiayaan pembangunan di Negeri Pulau Pinang. Keyakinan bank-bank perdagangan tempatan terhadap projek-projek pembangunan kita, telahpun membolehkan Kerajaan Negeri memperuntukkan Anggaran Pembangunan yang lebih tinggi untuk tahun 1976 sebanyak \$80,596,400 dibandingkan dengan peruntukan sebanyak \$37,665,196 bagi tahun 1975. Saya berharap kerjasama yang telahpun kita dapati daripada Institusi-institusi kewangan dalam Negeri ini akan terus berkembang di masa-masa hadapan supaya kita dapat mempergiatkan usah-usaha pembangunan socio-ekonomi di Pulau Pinang.

Kita telahpun menunjukkan bahawa rancangan-rancangan pembangunan kita boleh mendatangkan pendapatan-pendapatan untuk menemui pembayaran balik pinjaman-pinjaman. Kita telahpun menentukan kekukuhan kredit dan oleh itu telah menguatkan keyakinan di kalangan institusi-institusi kewangan. Negeri ini dengan keupayaan kewangan yang kukuh dan anjal adalah pada masa ini mempunyai kebolehan untuk merancangkan supaya dapat membiayai sendiri projek-projek pembangunan yang sedang bertambah pesat dan luas bidangnya. Kerajaan Negeri tidak seharusnya terus mengharapkan bantuan-

bantuan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan semata-mata sebagai punca kewangan tetapi haruslah mengambil langkah-langkah yang positif untuk mencari punca-punca kewangan yang baru termasuk pinjaman daripada punca-punca tempatan dan antara-bangsa dan juga mengujudkan "debenture" pembangunan (Penang development debenture).

Datuk Yang Dipertua, anggaran pembangunan 1976 telahpun dirancang untuk tempoh stagflasi dan usaha-usaha kita untuk mengatasi masalah stagflasi ini telahpun memperolehi kejayaan yang besar dan bolehlah dikatakan bahawa kedudukan inflasi pada keseluruhannya adalah terkawal. Melalui perancangan-perancangan kita seperti ini, rancangan pembangunan sepertimana yang terkandung di dalam Belanjawan 1975 telahpun dilaksanakan dengan jayanya. Usaha-usaha Kerajaan ke arah ini telah mendapat galakan yang besar melalui sokongan rakyat yang telah diberi kepada Kerajaan dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia selaku Bapa Pembangunan Malaysia yang telah senantiasa memberi sokongan dan galakan beliau di mana beliau ini mempunyai pengalaman yang banyak dan luas dalam bidang pembangunan negara. Dengan adanya keyakinan dan sokongan yang kuat daripada rakyat kita telahpun berjaya menga'asi masalah ekonomi yang meleset dalam tahun-tahun 1960an (shackles of inertia of the 1960s). Kita telahpun memperolehi kejayaan mengatasi masalah pengangguran di dalam negeri. Kita telahpun dapat mencapai kadar kemajuan ekonomi yang pesat melalui perlaksanaan rancangan-rancangan memperindustrikan kawasan-kawasan luarbandar dengan menitikberatkan perusahaan-perusahaan yang bercorak eksport dan yang memerlukan bilangan pekerja-pekerja banyak yang ditempatkan di dalam Zon-zon Perdagangan Bebas.

Datuk Yang Dipertua, kita sudahpun melancarkan rancangan memperbandarkan kawasan-kawasan luarbandar yang dijalankan serentak dengan rancangan-rancangan memperindustrikan

kawasan-kawasan luarbandar dan juga menggalakkan perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian di dalam Negeri ini. Pada masa ini kita boleh lihat bahawa Negeri Pulau Pinang mempunyai masa depan yang amat cerah. Kerajaan yakin bahawa kita akan dapat mengatasi masalah ke-melesetan dan jika masalah-masalah ini dihadapi dengan semangat dinamik sepertimana yang telah kita tunjukkan di tahun-tahun kebelakangan, kita akan dapat menjamin kemajuan ekonomi yang pesat untuk kebaikan rakyat di masa hadapan. Kita hendaklah dengan semangat yang tegas membangunkan sektor pembinaan sebagai sektor penting dalam rancangan pembangunan dalam tahun 1976 dan tahun-tahun yang berikutan. The development of the Construction Sector in 1976 and onwards will create a new dimension of economy within the State. Adalah dianggarkan bahawa Negeri ini memerlukan 50,000 yunit rumah-rumah kediaman menjelang tahun 1980.

Konsep kita bagi memajukan sektor pembinaan adalah terikat kepada rancangan memperbandarkan kawasan-kawasan luarbandar yang akan mengadakan yunit-yunit perumahan yang cukup kepada rakyat bersama dengan kemudahan-kemudahan sivik dan sosial yang lebih baik. Sebenarnya dengan rancangan memperbandarkan kawasan-kawasan luarbandar, akan diadakan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan juga kemajuan kepada kemudahan-kemudahan Kerajaan Tempatan sebagai tambahan kepada perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur asas yang telah sedia ada di pusat-pusat pembangunan. Sektor pembinaan akan menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat supaya rakyat dapat memperolehi mutu dan taraf penghidupan yang lebih tinggi di masa hadapan.

Datuk Yang Dipertua, sebahagian besar perbelanjaan yang dicadangkan di dalam anggaran pembangunan sebanyak \$47,419,000 adalah merupakan pinjaman-pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang—dan agensi-agensi pembangunan yang lain—sebagai agensi utama Kerajaan bagi melaksanakan projek-projek kepen-

tingan awam seperti berikut:

- (a) pembangunan perindustrian \$3,939,000;
- (b) pembangunan perumahan dan perniagaan \$30,748,000;
- (c) menebusguna tanah \$750,000;
- (d) pembangunan pelancungan \$171,000;
- (e) p e m b a h a r u a n bandar \$10,811,000;
- (f) pelaburan-pelaburan \$1,000,000.

Sepertimana yang telah saya nyatakan dahulu, objektif-objektif yang harus dicapai oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah juga objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan mengikut panduan-panduan dasar yang telah disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan sekarangnyanya Rancangan Malaysia Ketiga. Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sedia maklum bahawa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang merupakan agensi yang utama yang bertanggungjawab untuk mengujudkan pendapatan yang cukup bagi membolehkan pembayaran balik pinjaman dan bayaran-bayaran faedah oleh Kerajaan Negeri. Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan tahniah bagi pihak Kerajaan Negeri kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di atas usaha-usaha yang cemerlang yang telah mereka lakukan dalam bidang pembangunan untuk rakyat Pulau Pinang.

Datuk Yang Dipertua, Pembangunan di dalam sektor perindustrian sangat-sangat memuaskan. Dalam tahun 1969 kita hanya mempunyai satu kawasan perindustrian, dengan 15 buah kilang yang menjalankan pengeluaran dan mengambil jumlah pekerja sebanyak 2,400 orang. Hanya 10% daripada jumlah tenaga buruh yang bekerja adalah terlibat di dalam kegiatan-kegiatan pengilangan. Pada penghujung bulan September, 1975 kita mempunyai empat kawasan perindustrian dan empat Zon-zon Perdagangan Bebas di dalam Negeri dengan 101 buah kilang yang sedang berpengeluaran dengan guna-tenaga sejumlah 30,200 orang. Adalah dianggarkan sebanyak 54,700 pekerja-pekerja atau 18.9% daripada jumlah

pekerja keseluruhannya adalah terlibat dalam sektor pengilangan, dibandingkan dengan angka untuk 1974 iaitu 51,700 atau 18.8%. Angka-angka ini sangatlah penting jika dibandingkan dengan angka-angka tahun 1974 bagi Negara Malaysia keseluruhannya di mana adalah didapati bahawa terdapat 419,000 pekerja-pekerja atau 10.8%.

Datuk Yang Dipertua, tentang sumbangan pembangunan pengilangan kepada ekonomi, dengan mengambil pembayaran-pembayaran gaji sebagai asas dan andainya gaji purata sebanyak \$200 sebulan, maka jumlah gaji-gaji yang dibayar oleh kilang di dalam kawasan perusahaan adalah \$6 juta sebulan atau \$72 juta setahun. Ini tidak termasuk pembayaran-pembayaran kilang-kilang tersebut untuk pengangkutan dan juga kemudahan-kemudahan lain seperti makanan dan minuman. Dari segi penggunaan tanah untuk pembangunan perindustrian, setakat ini sejumlah 3,470 ekar telahpun diuntukkan bagi tapak-tapak kilang dan daripada jumlah ini 1,050 ekar atau 30% telahpun dimilikkan. Sebagai tambahan, sejumlah 300 ekar tanah lagi telah diperuntukkan bagi menempatkan semula orang-orang yang terlibat dengan segala projek pembangunan dalam Negeri ini. Di antara bulan Januari, 1970 dan Oktober, 1975, Negeri Pulau Pinang telahpun membelanjakan sejumlah \$7.2 juta untuk projek-projek penempatan semula. Ini tidak mengambil kira perbelanjaan \$3.2 juta yang dikeluarkan oleh Kementerian Perhubungan Persekutuan.

Datuk Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini akan sekarang mengerti dan sedar tentang kemajuan yang telahpun dicapai dalam Negeri Pulau Pinang daripada butir-butir yang saya sebutkan tadi. Peluang-peluang pekerjaan yang telah diujudkan dan juga kemungkinan peluang-peluang pekerjaan tambahan akan memberi peluang kepada rakyat yang menganggur untuk mendapat kerja dan akan menambahkan pembahagian pendapatan di kalangan rakyat. Jumlah wang yang disalurkan ke dalam ekonomi secara langsung dan secara tidak langsung telah membantu kita mengukuhkan kedudukan ekonomi Ne-

geri Pulau Pinang dan sebenarnya kedudukan ini telahpun membantu Kerajaan Negeri menempuhi keadaan ekonomi yang meleset.

Datuk Yang Dipertua, di dalam bidang penempatan semula (or squatter resettlement) setinggan-setinggan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi pihak dan dengan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telahpun menempatkan semula penduduk-penduduk yang terlibat secara langsung oleh projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan yang baru. Pada mulanya penduduk-penduduk yang terlibat, oleh kerana salah faham, tidak menerima dengan senang hati cadangan-cadangan untuk menempatkan semula mereka. Tetapi selepas sahaja mereka mengerti tentang tujuan cadangan-cadangan tersebut, usaha-usaha ini telah mendapat sokongan penuh daripada mereka. Untuk menempatkan semula setinggan-setinggan dan juga penduduk-penduduk yang terlibat oleh projek-projek pembangunan, cara-cara Kerajaan menguntukkan tanah mengikut pembahagian tapak tanah yang tertentu telahpun menjadi contoh untuk seluruh Negara. Kita telahpun mencatatkan rekod yang terpuji di dalam usaha-usaha menempatkan semula penduduk-penduduk dengan cara yang teratur dan sesuai dan diberi peluang-peluang untuk menjalankan penghidupan yang baru. Perbelanjaan untuk rancangan-rancangan ini adalah sangat besar tetapi Kerajaan Negeri telahpun menjalankannya sebagai satu kewajipan supaya perlaksanaan rancangan-rancangan pembangunan itu tidak akan mendatangkan kesusahan kepada rakyat kita. Pembangunan kawasan-kawasan penempatan semula di Batu Maung, Permatang Damar Laut dan Gertak Sanggul merupakan contoh bagaimana kerjasama yang rapat di antara rakyat dan Kerajaan dapat membawa faedah-faedah socio ekonomi untuk rakyat kita. Berasaskan kepada pengalaman-pengalaman ini kita boleh mengharapkan kejayaan yang lebih besar dalam lapangan ini di masa-masa hadapan.

Datuk Yang Dipertua, suatu daripada rancangan pembangunan Kerajaan yang penting adalah dalam bidang

perumahan dan di sini rancangan kita untuk menyediakan yunit-yunit perumahan murah perlu diselaraskan dengan rancangan-rancangan perumahan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan khususnya kepada Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru yang telah mengkaji keperluan-keperluan untuk mengadakan yunit-yunit perumahan murah yang mana Jawatankuasa Perumahan Negeri telahpun membawa ke perhatian Kementerian tersebut.

Kita bolehlah mengharapkan rancangan perumahan murah yang lebih berkesan melalui kerjasama yang telahpun dijalankan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini Kerajaan Negeri telahpun mencadangkan penubuhan suatu Perbadanan Perumahan Negeri oleh kerana Perbadanan Setiausaha Negeri adalah tidak cukup kuasa untuk menjalankan pentadbiran rancangan rumah murah di dalam Negeri ini. Perkara ini sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Selanjutnya, Jawatankuasa Perumahan Negeri telahpun meminta Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru Persekutuan untuk menimbangkan cadangan menyalurkan wang yang diperuntukkan bagi perumahan di bawah syarat-syarat yang baru dan juga prinsip sewabeli diturunkan kepada penjualan secara langsung kepada mereka yang telahpun diuntukkan yunit-yunit rumah murah di masa yang lalu.

Datuk Yang Dipertua, adalah sesuatu perkara yang dipandang berat oleh Kerajaan Negeri bahawa sungguhpun terdapat usaha-usaha Kerajaan untuk memberikan kepada rakyat kita lebih banyak lagi rumah murah, terdapat mereka yang telah menyalahgunakan kesempatan tersebut setelah menerima faedah daripada Kerajaan. Setakat 30hb Jun, tahun ini, orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini telah terhutang tunggakan pembayaran sewa sebanyak \$939,668.50. Jawatankuasa Perumahan Negeri akan mengkaji semula kedudukan mereka yang sekarang menduduki projek-projek Pe-

rumahan Murah Kerajaan dan mereka yang telah pun membayar syarat-syarat beli secara sewa selaras dengan syarat-syarat perjanjian. Kerajaan Negeri akan berbuat apa juga yang boleh untuk menentukan mereka akan dapat memiliki harta tersebut melalui hakmilik strata atau strata titles secepat yang mungkin. Akan tetapi kepada mereka-mereka yang enggan membayar dan telah terhutang tunggakan ataupun telah menyalahgunakan hak-hak yang diberikan kepada kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah, Kerajaan telah melantik penasihat-penasihat undang-undang untuk bertindak bagi pihak Jawatankuasa Perumahan untuk mendapat semula tunggakan ini. Dalam masa jangka panjang rakyat kita mesti menghargai bahawa kerjasama yang rapat di antara rakyat dan Kerajaan akan menentukan kadar kemajuan yang lebih pesat lagi di dalam bidang perumahan bagi mereka-mereka yang berpendapatan rendah.

Datuk Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat mesti menghargai bahawa manakala Jawatankuasa Perumahan Negeri adalah bertanggungjawab bagi memperuntukkan rumah murah untuk kumpulan yang berpendapatan rendah, yang akan dimajukan bersama dengan Kerajaan Pusat dan Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan bertindak sebagai daya penarik pembangunan perumahan dengan menggalakkan sektor swasta menyertai di dalam pusat-pusat pertumbuhan yang baru bagi membantu usaha-usaha permulaan Negeri ini untuk membandarkan kawasan desa. Perbandaran Pembangunan Pulau Pinang telah juga merancang perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di dalam peringkat perbandaran yang akan datang di dalam bandar-bandar baru itu. Adalah menjadi tujuan bahawa melalui perbandaran maka terdapatlah penyatuan rakyat dari berbagai golongan kaum, cara-cara hidup yang berlainan dan golongan-golongan yang berlainan pendapatan.

Datuk Yang Dipertua, maka dengan itu adalah nyata bahawa hasil dari program perbandaran, keutamaan hen-

daklah diberi kepada sektor pembinaan. Di dalam bidang ini, Kerajaan memerlukan kerjasama sektor swasta di dalam usaha-usaha kita untuk memenuhi kehendak-kehendak perumahan rakyat kita, khasnya kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah di bawah rancangan perbandaran desa. Peranan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah untuk menggalakkan perkembangan ekonomi dan kemajuan ekonomi untuk membantu usaha-usaha sektor swasta.

Kerajaan Negeri menyokong sepenuhnya dasar yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia bahawa Kerajaan adalah terikat kepada suatu sistem di mana penyertaan pihak swasta adalah satu syarat bagi kemajuan perindustrian yang pesat dan berterusan. Kerajaan Negeri adalah juga terikat bagi membantu sektor swasta dalam apa cara juapun dalam memainkan peranannya supaya kedua-dua sektor boleh menjadi rakan-rakan yang sebenarnya di dalam kemajuan dan pembangunan negara kita.

Di dalam Negeri Pulau Pinang, kita menjangka penyertaan sektor swasta yang lebih besar lagi dalam tahun 1976. Penyertaan ini bukan sahaja akan melibatkan projek-projek pembangunan terus di atas tanah-tanah yang akan disediakan kepada sektor swasta oleh Perbadanan Pembangunan, tetapi juga melalui badan-badan kewangan yang memberi kita sokongan kewangan yang diperlukan bagi wang-wang dikehendak di dalam peruntukan Anggaran Pembangunan 1976.

Datuk Yang Dipertua, sejak kita menerima pembangunan yang dirancang dan perlaksanaan yang teliti mengikut rancangan, kemajuan Negeri Pulau Pinang sangatlah pesat. Kita mestilah meneruskan kemajuan yang dirancang di masa hadapan. Dalam ertikata ini maka adalah dijangka bahawa apabila Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Kampung yang baru yang sekarang dibentangkan di Parlimen telah diluluskan, Kerajaan akan menubuhkan satu Jawatankuasa Perancang Negeri selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Kita pernah menyebut tentang perlunya ditubuhkan satu Jawatankuasa Perancang Negeri di masa-masa lampau. Jawatankuasa Perancang Negeri yang diperuntukkan oleh Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Kampung, memenuhi kehendak-kehendak Jawatankuasa Perancang dan kawalan Pembangunan Negeri yang kita telah cadangkan ketika membentangkan Anggaran Pembangunan dalam tahun 1974. Adalah perlu bahawa kita mesti tumpukan usaha-usaha kedua-dua sektor Kerajaan dan juga swasta di dalam bidang-bidang perkembangan ekonomi yang telah ditentukan oleh Kerajaan di dalam rancangan-rancangan kita bagi perindustrian desa dan perbandaran desa.

Adalah diharapkan semoga sektor swasta akan memahami bahawa peluang-peluang bagi kerjasama di dalam pusat-pusat pembangunan yang baru ini sangat luas dan akal fikiran menentukan bahawa oleh kerana mahalanya harga menyediakan perkhidmatan infrastruktur asas, adalah perlu bagi kita menyelaraskan projek-projek pembangunan kita dengan teratur dan dalam satu cara yang mana kita boleh mencapai hasil-hasil maksima bagi faedah bahagian terbesar rakyat kita.

Rancangan Kerajaan Negeri bagi pengambilan tanah, oleh kerana kekurangannya tanah Kerajaan, sekarang hampir siap. Oleh itu, maka adalah perlu supaya penggunaan sumber-sumber tanah yang baru bagi Negeri ini dilaksanakan mengikut satu cara yang teratur melalui agensi-agensi pembangunan dan dengan kerjasama sektor swasta. Hanyalah apabila sektor swasta telah memainkan peranan pembangunan yang pada mulanya digalakkan oleh Perbadanan Pulau Pinang, dan apabila sektor swasta menjadi terlibat lebih lagi dalam projek-projek pembangunan, khususnya berkaitan dengan perbandaran desa dan projek-projek perumahan di dalam pusat-pusat pembangunan yang baru, maka barulah boleh agensi-agensi pembangunan di dalam Negeri ini melaksanakan rancangan-rancangan perindustrian desa dan perbandaran desa ke segenap ceruk rantau Negeri ini. Buat masa ini Unit Perancang Ekonomi Negeri bersama-

sama Perbadanan Pulau Pinang dan *task force* Bumiputra yang baru ditubuhkan, telahpun mula menentukan corak-corak aktiviti sosial dan ekonomi di dalam kawasan-kawasan baru di Negeri ini, seperti di Sungai Pinang, Sungai Acheh, Gertak Sanggul, Teluk Bahang, Teluk Kumbar dan Pulau Jerejak di dalam Pulau Pinang dan kawasan di Bukit Panchor, Sungai Bakap, Sungai Rambai, Bukit Minyak, Pulau Aman dan Kuala Muda dan Kepala Batas di Seberang Perai.

Datuk Yang Dipertua, dasar perindustrian desa kita yang menitikberatkan penubuhan Zon-Zon Perdagangan Bebas dan dengan arahannya semula sekarang terhadap memperbagaikan perindustrian yang memerlukan taraf-taraf kemahiran yang lebih tinggi dan teknologi-teknologi yang lebih baru lagi, telahpun cukup berjaya. Bidang pembangunan yang terbesar yang masih tinggal di dalam sektor perindustrian ialah dalam bidang pengeluaran kain. Kerajaan Negeri akan terus menyokong keperluan-keperluan pelabur-pelabur asing melalui perkhidmatan yang cekap bagi kemudahan-kemudahan dalam Zon-Zon Perdagangan bebas kita dan dorongan-dorongan pelabur bagi usaha-usaha sama dengan pekongsi-pekongsi asing yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kita akan mengekalkan terus perkembangan perindustrian di dalam Negeri kita akan tetapi kita mesti memerhatikan kemajuan perindustrian kita selanjutnya dalam ertikata Pembangunan Wilayah, khususnya dengan Negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia, iaitu, negeri-negeri Perlis, Kedah dan Perak.

Datuk Yang Dipertua, Kerajaan Negeri adalah penuh terikat kepada konsep Kerjasama Wilayah dengan Negeri-negeri jiran kita dalam bidang perindustrian dan bidang pelancungan. Kita sekarang memandang kepada rancangan Pembangunan Wilayah ini untuk memajukan sektor-sektor pembinaan dalam Negeri-negeri Utara untuk memberi perumahan dalam konteks perbandaran desa, dan khususnya untuk menemui keperluan-keperluan perumahan bagi mereka-mereka dari rakyat kita yang berpendapatan rendah.

Datuk Yang Dipertua, sekarang saya ingin menyentuh peruntukan bagi infrastruktur asas dan perkhidmatan-perkhidmatan yang sangat diperlukan, bukan sahaja bagi pembangunan selanjutnya, akan tetapi juga untuk menerusi keperluan-keperluan asas rakyat kita. Satu jumlah sebanyak \$8,660,000 adalah diuntukkan sebagai pinjaman kepada Pihak Berkuasa Air. Rancangan Pembangunan Pihak Berkuasa Air adalah untuk menentukan supaya terdapat bekalan air yang mencukupi pada tahun 1980 dan seterusnya untuk memperbaiki sistem pengedaran air di dalam Negeri ini. Rancangan ini termasuk dengan wajarnya semua kerja-kerja memperbaiki logi-logi penapis air yang terdapat sekarang di Sungai Dua, pemasangan satu logi mengepam tambahan di Sungai Dua, memasang saluran-saluran air yang besar yang diperbuat dari besi ke Bukit Dumar dan pembinaan sebuah kolam takungan air tambahan yang dapat memuatkan sepuluh juta gelen air di Bukit Dumar.

Datuk Yang Dipertua, di sebelah pihak Kerajaan Negeri pula, dua dari jabatan-jabatan yang sangat mustahak yang memberikan perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur khususnya kepada kawasan-kawasan luar bandar ialah Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair. Kedua-dua jabatan ini akan diperuntukkan dengan wang sejumlah \$9,576,850. Ini adalah satu tambahan sebanyak 9.5% dari belanjawan bagi tahun 1975.

Datuk Yang Dipertua, Pulau Pinang mempunyai satu sistem jalan-jalan luar bandar yang terbaik sekali di dalam negara ini. Kerajaan bagaimanapun, bertujuan untuk memperbaiki seterusnya jalan-jalan itu. Jalan-jalan yang ada sekarang sedang diperbaiki dan jalan-jalan yang baru sedang dirancang. Sejak 1970, 18.5 batu jalan-jalan baru telah disiapkan dengan belanja sebanyak \$3,650,386. Tawaran-tawaran sedang dipanggil bagi jalan Balik Pulau—Relau yang mana bukan sahaja akan memendikkan jarak jauhnya, akan tetapi juga membuka kawasan-kawasan baru untuk pembangunan sebagai sebahagian dari infrastruktur bagi perbadanan desa. Kerajaan akan

melaksanakan dengan giatnya kerja-kerja memperbaiki infrastruktur yang terdapat sekarang untuk menentukan faedah-faedah yang maksima kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Jabatan Parit dan Taliair telah menjalankan kerjanya dengan cemerlang dalam Pulau Pinang sehingga tanah-tanah bendang di Seberang Perai, sepertimana yang dimaklumkan kepada saya, adalah di antara tanah-tanah sawah yang paling mahal sekali di dalam negara ini. Rancangan utama bagi Jabatan Parit dan Taliair pada tahun 1976 ialah pembinaan Empangan Jajar Perai yang mana akan memperbaiki mutu tanah-tanah bendang dan membuka hampir 2,000 ekar tanah untuk tanaman dua musim.

Dalam bidang pembangunan luar bandar, dua dari jabatan-jabatan yang menumpukan hampir ke semua usahanya bagi meninggikan taraf hidup rakyat kita dari sektor desa ialah Jabatan Pertanian dan Jabatan Haiwan. Kedua-dua jabatan ini akan menjalankan lagi aktiviti-aktivitinya dalam memperbaiki pengeluaran hasil makanan di Pulau Pinang selaras dengan rancangan-rancangan Buku Hijau. Perbelanjaan yang terbesar bagi kedua-dua jabatan ini adalah terhadap penubuhan sebuah stesyen pertanian yang cukup lengkap di Relau, untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar. Wang sejumlah \$999,000 adalah diuntukkan kepada kedua-dua jabatan ini untuk rancangan-rancangan pembangunan pada tahun 1976.

Datuk Yang Dipertua seperti dalam tahun 1975, \$1½ juta telah diuntukkan bagi Rancangan-rancangan Khas dan Latihan. Sungguhpun Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan telah memberi peruntukan bagi permohonan-permohonan yang telah dibawa ke perhatian Pejabat-pejabat Daerah melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, namun demikian Kerajaan berfikir adalah perlu untuk memperuntukkan Kumpulan Wang Khas ini bagi melaksanakan projek-projek yang mungkin dikehendaki dengan sertamerta oleh rakyat kita untuk mengekalkan perkembangan ekonomi tempatan da-

lam kawasan-kawasan mereka. Misalnya, dalam tahun ini, Kerajaan telah dapat menggunakan Kumpulan-kumpulan Wang Khas untuk menemui keperluan-keperluan yang mustahak dan khas bagi penduduk-penduduk yang tinggal di Sungai Rusa yang timbul dari ancaman ulat-ulat serangga. Adalah diharapkan bahawa Kumpulan-kumpulan Wang Khas ini akan dapat memberi kelonggaran yang lebih lagi kepada pembangunan rancangan-rancangan luar bandar kita dan bagi terus menyelesaikan masalah-masalah kemiskinan tertentu di kalangan rakyat kita dalam tahun 1976.

Datuk Yang Dipertua, dalam tahun 1975 ini, sebahagian dari kumpulan wang ini telah digunakan untuk mengadakan Minggu Pulau Pinang di Adelaide. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menghargai bahawa perbelanjaan yang dilakukan itu tidaklah dapat dibanding dengan faedah-faedah terbesar yang telah diperolehi melalui penubuhan hubungan yang baik di antara George Town dan Adelaide. Datuk Yang Dipertua, dengan izin: What we have provided and spent for in promoting the programmes between Adelaide and Penang and the results thereof cannot be measured in terms of dollars and cents. The goodwill, the understanding, and the potential development of commerce and trade has got to be estimated and this cannot be put down perspective of estimates. Pulau Pinang dan Australia Selatan dan Malaysia dan Australia pada amnya sekarang mendapat faedah yang baik melalui perhubungan yang baik di antara George Town dan Adelaide. Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan butir-butir lengkap tentang faedah yang diperolehi hasil dari penyediaan bandaraya-bandaraya George Town dan Adelaide dan saya berharap ianya sekarang dihargai sepenuhnya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Pada bulan hadapan, Kerajaan Australia Selatan akan membawa hampir 400 orang dari Australia Selatan, dan dari Adelaide khususnya, untuk mengadakan Minggu Adelaide di Pulau Pinang. Minggu Adelaide bertujuan untuk

membalas tali persahabatan yang telah ditubuhkan untuk mengembangkan usaha-usaha perniagaan dan perdagangan yang telah dimajukan dengan tertubuhnya Australia—Asia Developments Propriety Limited dan Australasia International Developments Sdn. Bhd. Kita yakin bahawa rakyat Pulau Pinang akan mengalu-alukan dengan mesranya sahabat-sahabat kita dari Australia Selatan dalam semangat tuanrumah yang mana telah dapat menjadikan Pulau Pinang sebagai suatu Pusat Tumpuan Pelancung antarabangsa yang terkemuka. Kita yakin bahawa rakyat Pulau Pinang akan membalas tali persahabatan yang telah terjalin dengan sekuat-kuatnya dan bahawa mereka akan mengambil peluang ini untuk memajukan lagi hubungan-hubungan perniagaan dan perdagangan yang mana Minggu Adelaide di Pulau Pinang akan berikan melalui pamiran khas oleh lebih dari 80 buah syarikat-syarikat dari Australia Selatan. Dalam lawatan saya ke Australia Selatan baru-baru ini, adalah disahkan bahawa semua syarikat-syarikat ini akan mencari wakil-wakil dan pekongsi-pekongsi usahasama dari Pulau Pinang untuk memajukan perdagangan dan perindustrian dalam Malaysia. Lebih-lebih lagi, Kerajaan Australia Selatan telah bersetuju menyertai Pulau Pinang dalam usaha-usaha kita bagi menggalakkan pembangunan wilayah dengan negeri-negeri jiran kita iaitu Negeri-negeri Perlis, Kedah dan Perak.

Datuk Yang Dipertua, saya menggesa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengkaji dengan telitinya Kertas No. 15 Tahun 1975. Dalam cara membentangkan Anggaran Pembangunan Tahun 1976, saya hanya dapat menyentuh atas perinsip-perinsipnya dan telah merujuk kepada projek-projek pembangunan yang utama yang dicadangkan untuk tahun hadapan. Suatu kajian yang teliti tentang kertas No. 15 akan membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat menghargai betapa luasnya bidang bagi rancangan pembangunan kita dalam Negeri ini. Luasnya bidang projek-projek pembangunan yang dicadangkan itu adalah selaras dengan pendekatan dari berbagai segi kepada usaha-usaha pembangunan di

dalam Negeri ini. Kerajaan adalah berazam bergerak dengan tegasnya ke dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga untuk mencapai deras laju dalam kadar kemajuan kita bagi meliputi keseluruhan tempoh rancangan jangka panjang.

Datuk Speaker, Head 107, Item 15: Memperbaiki Jambatan-jambatan dan Jalan-jalan Kerajaan Negeri. Under the J.K.R., there is a provision of \$817,580.00 Is this money to be used to improve the roads on the island or in Seberang Perai? This small amount is hardly sufficient to maintain or improve the roads in the State. Now on the question of kampung roads that has been overlooked all the time by the Government, I think it is time the J.K.R. look into that. The question of maintenance of those roads again has been a football game between the Lembaga, J.K.R. and the State Government or the Federal Go-

vernment. There is always the complaint of roads being the responsibility of the J.K.R. and that we have to see the J.K.R. about it; and the J.K.R. will say that it is the responsibility of the Lembaga. So I have urged many times here that there should only be one unit with the Government for the maintenance and improvement of roads. So no matter the roads are the responsibility of J.K.R. or the responsibility of the Lembaga, J.K.R. will look after and maintain the roads.

So, Datuk Speaker, I have skipped many other items which are not very important as a respect to you, but in winding up my speech I urge the Honourable the Chief Minister and the Members of the Government to mobilise the machinery of the Government so that it can tackle with the big amount of developments for which we are spending \$80,000,000 in our State next year.

We also join in with the Honourable the Chief Minister in the hope that all the private sectors will come out to support so that the development in our State will really boost the prosperity of our State.

Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.47 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul ini. Dengan izin: with your permission, I would like to say a few words in English with a little bit in Bahasa Kebangsaan.

Datuk Yang Dipertua, I would like to congratulate the State Government of Penang and the Penang Treasury for having been the first to fully adopt a programme and performance budgeting system which is the new coding system for revenue, which is in line with that of the Federal Government system. This makes it easier for us to understand and appreciate the machinery of budgeting. Y.A.B. Ketua Menteri, in his speech yesterday, said:

"Kerajaan tidak akan mengenakan sebarang cukai-cukai baru bagi tahun 1976. Sebenarnya disebabkan tahun kewangan rumit yang dijangkakan dalam tahun 1976," (*gangguan*)

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Dalam, itu ialah perkara kelmarin. Pada hari ini kita berbahas mengenai perkara pembangunan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Sir, I am going to connect it to today's Budget Speech for comparison.

Tuan Speaker: Saya harap janganlah dibaca daripada speech itu.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Thank you. Tuan Speaker. I am actually reading the verbatim.

"Kerajaan Negeri bercadang meringankan kesulitan-kesulitan yang mungkin dihadapi oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang dengan memberi pengurangan selanjutnya sekadar 5 peratus ke atas sewa tanah serta menurunkan kadar cukai parit dan taliair sebanyak 10 peratus."

I would like to congratulate the Government on its ability to identify the problem, that is, a difficult financial year is anticipated for 1976 which will bring about financial difficulties for the people of Penang and encourages the State Government to give a further remission of 5% on Quit Rent and 10% on Drainage and Irrigation.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Quit Rent does not come into this Development Budget.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): At the same time I would like to record my disappointment with the L.P.K.T. Pulau Pinang which could not have chosen a worse time to revalue the properties in the State of Penang.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Dalam, saya tidak benarkan bercakap berkenaan valuation of property by L.P.K.T. Kelmarin saya sudah tidak benarkan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk Yang Dipertua, just a passing remark. I am not going into it. I will urge upon the State Go-

vernment in general, and the Y.A.B. Ketua Menteri in particular, to use his good office to see that the revaluation of the properties in Penang Island is dropped to the economic position in Penang State.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Dalam, saya telahpun memberitahu iaitu perkara ini bukanlah di bawah kuasa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, iaitu berkenaan dengan State. Ini adalah kuasa L.P.K.T.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk yang Dipertua, I now come to services that could be rendered by the State. The State, more often than not, is not in a position to directly offer day-to-day services to the general public, but it could and should do so through its agencies like the P.D.C., Water Authority, and bodies that it had helped to form like the L.P.K.T. and quasi-government bodies like the N.E.B. These Agencies and Boards are these who come into direct contact with the general public and it would not be reasonable for us to dismiss the complaints that people may have against these Agencies and Boards as not being our concern. Services rendered by the L.P.K.T. Seberang Perai, particularly in my constituency that is Bagan Dalam (*gangguan*).

Tuan Speaker: Sekarang L.P.K.T., saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, kita tidak ada *any* anggaran berkenaan dengan ini. In the Development Budget, there is no mention of L.P.K.T. at all.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk Yang Dipertua, in our Budget, provision has been made for drainage and irrigation schemes.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): That was yesterday.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): So I would urge upon the Government to allocate a considerable sum of this Budget towards drainage and irrigation schemes in Seberang

Perai. At the slightest rainfall, the Bagan Dalam constituency which I represent gets flooded to the extent of 3 inches to 6 inches. This is purely due to the improper drainage and irrigation scheme in that area. Therefore, I would request that a reasonable amount of money provided in this Budget, under this Head, be utilised to provide a proper drainage and irrigation scheme in Bagan Dalam constituency.

The sanitary scheme in my constituency is nothing of which one could be proud of. The night-soil is to be removed every day, but I understand that it is not being removed at a stretch of about a week. And the provision that has been made for the development of the rural areas, part of it could be used to provide proper sanitary installations in the Seberang Prai area. What I feel is most important in Seberang Prai area is a proper town and country planning and construction of proper drains, roads and sanitary installations. If lack of funds is a problem than this Dewan should provide such funds so that people in the rural areas could also have the benefit enjoyed by people in the urban areas. We can justifiably be proud of our urban areas and it is only fair that the people in the rural areas should also be permitted to enjoy the privileges so that we can have a true and equitable society.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff): Yang Berhormat Datuk Yang Dipertua, wakil dari Kawasan Telok Bahang ingin mengambil perbincangan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tadi. Di samping saya menyokong di atas Anggaran Pembangunan tahun 1976 maka saya suka menyampaikan beberapa perkara dan merayu kepada pihak Kerajaan supaya menimbang yang pertama sekali di dalam rancangan-rancangan Yunit Perancangan Perumahan Murah. Sebagaimana Yang Amat Berhormat telah membayangkan, keadaan bangunan-bangunan yang telah didirikan di Bayan Baru ini, pada pendapat setengah penduduk-penduduk di kawasan saya, keadaan harga yang telah ditetapkan

itu bagi pihak penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah tidak mampu mengambil ataupun membeli rumah sebagaimana yang ditetapkan itu seumpamanya di bawah daripada \$25,000.00 di bawah \$30,000.00 atau \$40,000.00. Dengan ini saya merayu supaya dapat pihak Kerajaan menimbangkan untuk mengadakan rancangan yunit rumah yang lebih murah lagi daripada yang ada itu supaya dapatlah tiap-tiap penduduk yang berpendapatan rendah itu mampu untuk mendudukinya dan membayar harga sewa sebagaimana rumah murah yang telah pun pada masa dahulu Kerajaan mengadakan di kawasan Balik Pulau, di kawasan Bayan Lepas dan juga sebagaimana bangunan rumah-rumah murah yang dibuat di Telok Bahang. Jadi saya merayu supaya dapat perkara ini dipertimbangkan supaya dapat memberi satu keringanan bagi penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah.

Yang kedua, berkenaan dengan pembelian tanah dalam ucapan Yang Amat Berhormat tadi telah membangkitkan berkenaan perkara yang melibatkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, khususnya bersangkutan dengan setinggangingan yang terlibat di kawasan Bayan Lepas dan juga penduduk-penduduk yang ada di kawasan Sungai Ara. Mengikut pendapat saya daripada rayuan oleh penduduk-penduduk, terutama sekali penduduk-penduduk yang ada memelihara lembu, sehingga pada masa ini mereka tiadapun lagi ada satu tempat yang dicadangkan khas pada mereka untuk menternak lembu. Di sini saya suka memberi satu pandangan, seterusnya saya mengesyorkan supaya dapatlah Kerajaan mengambil satu pandangan untuk memberi satu keringanan bagi penduduk-penduduk di kawasan yang terlibat mendapatkan satu kawasan peruntukan tanah untuk mereka memelihara dan menternak lembu, sebagaimana dalam soalan saya semalam, bagi pihak penternak babi ada mendapat 3 kawasan untuk mereka, tetapi bagi penternak lembu dan kambing, dalam jawapan saya semalam belum pun ada lagi. Jadi suka saya beri penerangan ada dua kawasan yang agak sesuai, satu ialah di kawasan Sungai Ara di belah

kang pekan kawasan Sungai Ara, lebih-kurang 30 ekar. Di situ pada pendapat saya adalah sesuai untuk ternakan lembu kerana penduduk di kawasan itu tidak ada satu tempat khas untuk menternak lembu. Selain daripada itu ada satu kawasan lagi di Balik Pulau yang disebut sebagai kawasan Padang atau di kawasan kebun getah Pondok Upeh di atas Lot 539, Lot 713, Lot 543, Lot 542, Lot 715, Lot 714 dan beberapa lot lagi. Di sini lebih luas lagi kawasan-nya dan saya agak lebih sesuai untuk menternak lembu, khasnya bagi penduduk-penduduk di kawasan itu supaya dapat mereka menternak lembu di kawasan yang luas tanahnya ialah 174.6 ekar. Saya harap atas perkara ini dapatlah pihak Kerajaan menimbangkan supaya memberi satu peluang bagi penduduk-penduduk di kawasan ini supaya di samping mereka mencari nafkah sendiri dapat juga mereka bekerja sambil menternak lembu supaya tidaklah seperti hari ini mereka-mereka di dalam kawasan di Bayan Lepas dan Sungai Ara tidak ada satu tempatpun untuk menternak lembu mereka. Hari ini mereka selalu merayu bahawa kesihatan lembu-lembu mereka semakin lama semakin buruk. Saya harap perkara ini mendapat pertimbangan.

Datuk Yang Dipertua, di samping itu, dalam Anggaran yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat tadi ada bersangkutan perkara yang sangat mustahak. Dua Jabatan, iaitu Jabatan Kerja Raya dan J.P.T. yang mana peruntukan telah dibentangkan tadi sebanyak \$9,576,850. Di sini saya sukalah membangkitkan supaya dapat satu pertimbangan yang pertama sekali, saya merayu supaya dapat diperbesarkan jalan yang dinamakan jalan Sungei Nipah, iaitu daripada Pekan Simpang 4 membawa ke Sungai Burung yang jalan itu tidak jauh lebih-kurang $\frac{1}{4}$ batu sahaja. Tetapi jalan ini telahpun menjadi tersangat sibuk, terutama sekali kerana ada tiga buah sekolah di situ, iaitu Sekolah Sri Balik Pulau muridnya lebih daripada 700 orang dan Sekolah Thar Tong School, muridnya, lebih-kurang 500 orang atau 600 orang dan murid daripada Sekolah Kebangsaan Jerteh lebih-kurang 350 orang.

Pagi dan petang jalan ini menjadi sibuk dan pada anggapan saya sangat merbahaya kerana jalanraya sempit, lebih-kurang 13 kaki sahaja lebarnya dan saya berharap atas perkara ini dapatlah pihak J.K.R. menjalankan satu rancangan bagi tahun 1976 supaya dapat jalan ini diperbesarkan sebelum terlambat dan sebelum berlaku kemalangan kepada kanak-kanak dan juga mereka yang menggunakan jalan itu.

Begitu juga saya membangkitkan berkenaan dengan rancangan untuk mengubahalihkan tanaman di tanah sawah di kawasan Sungai Burung dan Kampung Perlis. Mengikut apa yang kita dapat tahu rancangan ini akan diubah tukarkan daripada tanaman padi kepada tanaman kelapa, koko dan nenas dan tanaman-tanaman yang sesuai. Saya tidak tahu adakah perkara ini akan dapat dijalankan ataupun dalam kajian tetapi sepanjang yang saya tahu penduduk-penduduk di kawasan ini sedang ternanti-nanti bilakah kawasan ini akan dikeringkan supaya mereka dapat menggunakannya bagi tanaman-tanaman ini. Sudah empat tahun berturut-turut di kawasan ini tidakpun dapat ditanam kerana kerosakan daripada musuh seperti tikus dan lain-lain. Dengan ini tanaman tidak dapat dijalankan. Sukalah saya mendapatkan pertimbangan atas perkara ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Datuk Speaker, di pagi ini bila saya telah dengar ucapan Ketua Menteri saya mendapat tahu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun \$80 juta lebih, kalau dibandingkan dengan Anggaran tahun 1975, anggaran ini adalah lebih-kurang setengah iaitu \$35 juta. Kerajaan berbelanja cuma \$28 juta yang ada tinggal lagi \$7 juta tetapi tahun ini Anggaran Pembangunan 1976, sudah tambah lebih. Itulah di sini saya hendak menarik perhatian Kerajaan berkenaan rakyat di Seberang Perai Selatan di mana kebanyakan orangnya terdiri daripada orang-orang miskin, banyak juga tidak mendapat pekerjaan.

Datuk Speaker: Tolong letakkan kertas di bawah.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching) Itulah di sini, Datuk Speaker, kami memanggil Kerajaan membuat rumah-rumah murah, kilang atau perindustrian untuk memajukan perusahaan di kawasan Seberang Perai Selatan dan di sini juga Datuk Speaker saya berharap bila wang untuk rancangan itu didapati daripada Kerajaan saya minta Kerajaan boleh memberi kelulusan kepada pegawai-pegawai daerah. Itu sahajalah ucapan saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh) Datuk Yang Dipertua, Ahli daripada Penaga sukaiah mengambil sedikit bahagian di dalam perbincangan mengenai apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, Ketua Menteri, iaitu mengenai pembangunan dan juga barangkali saya menyentuh sedikit sebanyak apa yang ada kaitan dengan belanjawan yang telah dibentangkan semalam.

Datuk Yang Dipertua, dari apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, apa yang paling menarik perhatian di pihak saya sendiri ialah berkenaan satu pengumuman oleh Pihak Yunit Perancang Ekonomi Negeri bersama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang sedang merancang di atas aktiviti sosial dan ekonomi di kawasan-kawasan luarbandar, iaitu seperti di Seberang Perai, Kepala Batas, Kuala Muda dan juga beberapa tempat lain, dengan harapan rancangan ini akan memberi peluang terutama sekali kepada penduduk-penduduk di kawasan luarbandar untuk berkecimpung di dalam lapangan perniagaan dan lain-lain lagi.

Datuk Yang Dipertua, sebagai seorang wakil yang datang boleh dikatakan dari kawasan persawahan, jadi manakala diteliti atas belanjawan yang telah dibentangkan kelmarin dan juga Anggaran Pembangunan maka satu perkara yang amat menggembirakan ialah dengan adanya pemotongan sebanyak 10% daripada hasil taliair yang dikenakan ke atas sawah dan tuan-tuanpunya bendang terutama sekali di Seberang Perai. Maka hal ini adalah satu perkara yang amat menggembira-

kan terutama sekali peladang-peladang yang mana pada hari ini, Datuk Yang Dipertua, sama-sama kita faham bahawa hasil padi pada tahun ini boleh dikatakan amat meleset sekali dengan adanya bencana atau serangan daripada serangga-serangga apa yang dinamakan cenangau oleh peladang-peladang kita pada hari ini. Jadi dengan adanya pemotongan sebanyak 10% yang dibuat oleh Kerajaan di tahun 1976 ini adalah satu perkara yang amat menyenangkan terutama sekali tuan-tuanpunya tanah dan juga pengusaha-pengusaha yang membuat sawah di Pulau Pinang ini. Apa yang kita harapkan daripada tuan-tuanpunya sawah pula ialah supaya mereka bersama-sama bertimbangrasa kepada pengusaha-pengusaha ataupun pembuat sawah mereka ini supaya soal sewa bendang ataupun sewa tahunan mereka itu dapat dipertimbangkan oleh tuan-tuanpunya tanah pula sementara Kerajaan telah bertimbangrasa menurunkan sebanyak 10% daripada hasil cukai taliair.

Menyentuh dalam hal taliair ini juga, Datuk Yang Dipertua, sukaiah saya menarik perhatian iaitu mengenai Jabatan Parit dan Taliair boleh dikatakan kawasan-kawasan persawahan pada hari ini terutama sekali di Seberang Perai Utara bolehlah dikatakan penanaman padi di Seberang Perai boleh jadi pada keseluruhan Negeri Pulau Pinang ini ialah masa menanam dan juga masa menuai padi ini tidak sama di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Jadi inilah yang patut sama-sama kita mengambil perhatian terutama sekali dari Jabatan Pertanian dan Jabatan Parit dan Taliair supaya dapat kita mengkaji dan meneliti bagaimanakah kita dapat mengatasi hal ini supaya keadaan menanam dan menuai padi ini dapat disamakan dan juga soal peraliran dapat disamakan dikeseluruhan daerah yang ada di Seberang Perai ataupun Pulau Pinang kerana pada hari ini, Datuk Yang Dipertua, boleh dikatakan ada setengah tempat yang baru ataupun sedang menuai padi, ada pula tempat yang baru menanam dan ada pula tempat-tempat yang sudahpun menanam padi mereka itu. Jadi keadaan

inilah yang menyebabkan bencana-bencana ataupun serangan-serangan yang telah dikenakan kepada padi itu dan tanaman-tanaman kita.

Datuk Yang Dipertua, saya suka juga menyentuh tentang peruntukan dan juga di atas pembangunan mengenai bekalan air minum yang mana kita mendapat tahu ataupun kita sama-sama mengerti iaitu sebahagian besar daripada penduduk di kawasan luar bandar pada hari ini masih belum mendapat bekalan air minum yang sempurna sepertimana di setengah-setengah tempat ataupun di bandar-bandar. Walaupun di dalam sekim ataupun rancangan bagi pihak Kerajaan pada hari ini telah mengadakan peruntukan untuk memberi pinjaman kepada orang-orang kampung untuk membekal ataupun membawa masuk paip air kepada rumah-rumah mereka. Tetapi yang sebenarnya, Datuk Yang Dipertua, akan hakikat ini, orang-orang kampung tidaklah begitu menaruh minat ataupun mampu dan tidak berada cenderung atas tawaran ataupun apa yang dipelawa oleh Kerajaan. Apa yang mereka harapkan ialah bekalan air yang merupakan stand paip ataupun paip-paip awam yang dibuat oleh Kerajaan dahulu patutlah hal ini diperkekalkan ataupun diperbanyakkan terutama sekali di kawasan luar bandar yang mana inilah satu-satunya kemudahan-kemudahan yang dapat dirasakan oleh penduduk kita di luar bandar.

Datuk Yang Dipertua, pada akhirnya, dalam Ucapan Pembangunan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tadi, ada menyebut bahawa pada tahun ini Minggu Adelaide akan diadakan di Pulau Pinang yang mana 400 orang saudara-saudara ataupun rakan-rakan kita dari Adelaide, Australia akan datang ke Pulau Pinang ini yang mana kita patut mengalu-alukan kedatangan mereka. Apa yang membawa sedikit kebimbangan kepada wakil daripada Penaga ialah setelah melihat satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan baru-baru ini iaitu bagi pihak pengusaha-pengusaha hotel yang akan memboycott supaya tidak memberi layanan ataupun room-service kepada mereka-mereka itu. Jadi saya harap hal ini

akan dapat diselesaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pesta Pembangunan kita ataupun Pengerusi Jawatankuasa Minggu Adelaide yang mana hal ini mereka telah membuat satu kenyataan akan memboycott oleh sebab perkara-perkara yang tidak menyenangkan mereka itu dengan adanya beberapa perkara yang telah dibuat oleh Pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang.

Setakat inilah sahaja, Datuk Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kebenaran Datuk Yang Dipertua memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam bahasan ini.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdulah bin Mohamed): Datuk Yang Dipertua, saya wakil dari Penanti ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Pembangunan yang dibentangkan dalam Dewan ini.

Saya penuh hati dan penuh keyakinan bahawa Anggaran yang dibentangkan dalam Dewan ini iaitu sebanyak \$80,596,400 ini akan dapat dibelanjakan untuk faedah rakyat kita di Negeri Pulau Pinang.

Datuk Yang Dipertua Dewan, dengan Anggaran yang disediakan ini saya mempunyai keyakinan penuh bahawa rancangan pembangunan yang akan dilancarkan pada tahun 1976 ini akan berjaya. Walau bagaimana sekalipun, Datuk Yang Dipertua Dewan, saya suka menarik perhatian supaya perkara-perkara ini dapat dilaksanakan oleh Kerajaan kita bagi faedah rakyat yang ada di seluruh Negeri Pulau Pinang, khasnya di kawasan Penanti.

Datuk Yang Dipertua Dewan, saya rasa Anggaran yang telah kita buat, iaitu dalam bidang pertanian, tentulah Jabatan Pertanian akan dapat memainkan peranan yang penting bagi faedah rakyat yang ada di kawasan seluruh Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai khasnya, di kawasan Penanti. Saya dapati pada masa yang lalu Jabatan Pertanian ini menjalankan kerjanya dengan baik, tetapi walau macam manapun ada perkara yang patut di-

baiki lagi. Kita semua maklum dalam Negeri kita ini tidak ada tanah-tanah yang luas, tidak ada tanah-tanah Kerajaan yang boleh kita berikan kepada rakyat kita. Tetapi walau bagaimanapun tanah-tanah yang masih ada boleh dipergunakan dan dimajukan dan boleh diperbaiki dengan beberapa tanaman yang boleh memberi faedah kepada rakyat kita.

Datuk Yang Dipertua Dewan, pada hari ini di dalam Kawasan Penanti saya nampak banyak tanah-tanah yang boleh diusahakan dan boleh di majukan samada tanah perseorangan ataupun tanah orangramai. Tetapi tanah ini tidak diberi galakan yang sungguh-sungguh melalui Jabatan Pertanian dan saya harap Jabatan Pertanian akan menasihatkan dan memberi tunjuk-ajar kepada mereka ini kerana mereka ini kalau tidak nampak kerja yang berfaedah mereka tidak akan memberi sambutan. Oleh kerana itulah pihak Jabatan Pertanian patutlah memberi segala bantuan untuk memajukan tanah-tanah mereka yang ada masih belum dipergunakan.

Datuk Yang Dipertua, saya ingin menyentuh di atas rancangan taliair. Datuk Yang Dipertua Dewan, hari ini Pihak Kerajaan telah mengadakan banyak taliair di bendang-bendang dan sawah-sawah. Dengan banyak taliair boleh menyusahkan penanaman-penanam padi kerana mereka yang hendak bawa balik hasil-maksul terpaksa berjalan begitu jauh. Maka dengan sebab itu saya memohon pihak Kerajaan memberi peluang yang banyak supaya membina titi untuk mereka mengeluarkan hasil dengan lebih cepat dan tidak merugikan masa. Saya dapat tahu ada banyak permohonan-permohonan untuk mengadakan banyak titi untuk menyeberangi parit taliair tetapi tidak dilaksanakan. Maka dengan Anggaran pembangunan yang kita ada pada hari ini saya yakin penuh bahawa Kerajaan kita akan melaksanakan permohonan-permohonan daripada orangramai dengan seberapa segera.

Begitu juga, Datuk Yang Dipertua Dewan, saya dapati mengenai Jabatan Parit dan Taliair, telah berapa banyak penanam-penanam padi membuat

sungutan bahawa ada kadangkalanya di parit-parit yang pecah dibiarkan sehingga berminggu-minggu ataupun berbulan-bulan baru diperbaiki. Saya merayu dalam Dewan ini supaya perkara ini dapat dilaksanakan supaya memuaskan hati penanam padi dengan tidak payah mereka membuat sungutan kepada Wakil Rakyat.

Datuk Yang Dipertua Dewan, suka juga saya menyentuh berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya. Jabatan Kerja Raya yang telah kita beri peruntukan dalam Dewan ini telah menarik perhatian Dewan ini bahawa ada terdapat kurang puashati daripada pengguna-pengguna jalan raya kerana bila jalanraya itu dipecahkan untuk dipasang paip dan sebagainya, untuk membaikinya pula dibiarkan berbulan-bulan. Dan begitu juga kadangkala bila jalanraya ini dikorek tidak dibaiki Kelmarin sahaja, petang semalam, di Jalan Tanah Liat, sudah berlaku satu kemalangan kerana jatuh dalam lubang dan motor itu terbalik dan sebuah lori terlanggar orang itu. Jadi oleh kerana itulah saya merayu kepada Jabatan Kerja Raya supaya bilamana jalan-jalan ini dikorek atau dipecah sepatutnyalah dengan seberapa segera diperbaiki.

Datuk Yang Dipertua Dewan, menyentuh perkara haiwan, saya suka menarik perhatian supaya Kerajaan patutlah menimbangkan pemberian haiwan kepada orangramai dan patutlah diberi benih-benih ataupun benda-benda yang baik ini kepada orang-orang yang patut mendapat atau mustahak bagi mereka untuk mendapat faedah daripada rancangan itu. Misalnya, benih ternakan patutlah diberi kepada penduduk yang benar memerlukan, iaitu penduduk-penduduk yang miskin yang tinggal di luar bandar yang ada tempat yang cukup untuk menjalankan perusahaan ternakan ini.

Datuk Yang Dipertua Dewan, saya suka juga menyentuh dalam rancangan Pembangunan ini pihak Kerajaan Negeri patutlah mengutamakan pembangunan bandar-bandar kecil yang pada masa ini dibiarkan misalnya di Kawasan Penanti seperti Pekan Arakuda dan juga Padang Menora. Saya dapat

tahu dan saya sendiri telah perhatikan parit di pekan Arakuda dan Padang Menora dibiarkan rumput bertimbun, air bertakung dan nyamok beranak beribu-beribu dalam tempat-tempat itu. Ini boleh mendatangkan penyakit kepada penduduk-penduduk di pekan-pekan kecil itu. Saya berharap sungguh-sungguh kepada Rancangan Pembangunan kita ini supaya memberi perhatian penuh kepada pekan-pekan kecil ini untuk faedah penduduk-penduduk kita.

Datuk Yang Dipertua Dewan, menyentuh Rancangan pembangunan yang akan dan telah dilaksanakan, apa yang memusykilkan saya, Wakil Penanti, ialah misalnya pemberian bekalan letrik. Datuk Yang Dipertua Dewan, ada bekalan letrik yang kita dapat tahu telah diluluskan pada tahun-tahun yang lalu tapi belum juga dilaksanakan sampai hari ini. Begitu juga bekalan air yang patut diberi sebagaimana dicakapkan oleh saudara saya, wakil daripada Penaga tadi. Bekalan air ini paling mustahak dalam segi kesihatan. Bila perkara ini mustahak patutlah kita mempertimbangkan permohonan daripada rakyat bagi mencapai matlamat ini. Misalnya banyak kampung-kampung memerlukan air. Air di situ tidak dapat diminum kerana kotor atau tanahnya merah atau tanah sawah dan sebagainya. Walaupun bilangan penduduk di kawasan ini kecil dan ada 20 atau 30 buah rumah, bila permohonan dimajukan kepada pihak yang berkenaan dan penyiasatan dijalankan, malangnya mereka mengatakan tidak ekonomik. Tapi yang ini adakah benar? Kita hendak menjaga kesihatan rakyat dan hendak memberi kemudahan yang patut, sepatutnya di tempat-tempat semacam ini diberi pertimbangan yang istimewa untuk mereka menikmati segala kemudahan-kemudahan yang boleh didapati daripada Kerajaan.

Datuk Yang Dipertua Dewan, menyentuh perkara berkenaan kebajikan masyarakat, saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa saya telah pun mendapati permohonan-permohonan untuk mendapat bantuan apabila rumah terkena ribut atau pokok dan sebagainya. Bantuan-bantuan telah mereka mohonkan daripada pihak yang

berkenaan, tetapi malangnya kadang-kadang mereka tidak ada wang untuk memperbaiki. Sepatutnya pihak kita akan memberi sedikit sebanyak bantuan, tetapi bantuan itu sehingga dua-tiga bulan pun belum mereka terima dan kadang-kala mereka terpaksa siapkan bumbung dengan tikar dan sebagainya untuk melindungi daripada hujan dan panas. Saya memohon jika ada perkara-perkara semacam ini, misalnya rumah ditimpa pokok atau terkena ribut, kalau dapat bantuan daripada pihak yang berkenaan kebajikan masyarakat ini, patutlah disegerakan supaya kita dapat menolong orang yang benar-benar miskin dan memerlukan bantuan.

Sekianlah Datuk Yang Dipertua Dewan, dalam perbahasan berkenaan Anggaran Pembangunan yang ada dan saya menyokong atas Usul ini.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Yang Dipertua, dengan izin: I would like to participate in this debate on the speech by the Honourable the Chief Minister on Development Estimates of 1976, and would like to take this opportunity to clarify a few observations brought up by Members on the opposite side of the House.

Now, one thing most important for all Members of this House is not merely to participate in this House to hear what one has to say, but apart from that, it is equally important to pay attention to what other Members have said, and this is particularly true as any Member here who chooses or wishes to speak on housing should take the advantage of reading carefully the speech of Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, and in particular to paragraphs 31, 32 and 33 which in his speech was confined to housing.

Now, it is so easy to criticise a number of things in housing, but I would like to have criticisms if they are constructive; and criticisms are constructive if they have good advice. If you just merely read without trying to understand and digest what Yang Amat Berhormat Ketua Menteri has said

in those three paragraphs, than it would be very difficult for me to try to explain it further. The Government that we have here does not look at building of low-cost houses as one merely dealing with mortar and bricks, or as one to be taken advantage of politically. We are looking at it as one of a social and economic problem. Why do I say that, Datuk Yang Dipertua? It is because housing is in fact a social and economic problem. We are not merely trying to build low-cost houses to be taken advantage of politically or we are building low-cost houses for the poor. What we are trying to achieve is to try to build adequate and proper housing to house the lower-income group. When we build any house for the lower-income group we must understand that these houses are to be used not only for today, tomorrow or a year. They are going to be stayed in for at least 60 years—in fact 90 or 120 years—and therefore it is most important that we must not dwell into this kind of matter without preparation or proper understanding of it.

It is quite easy to think of building low-cost houses at \$6,000 but what kind of low-cost house is at \$6,000? It is so important because it is useless trying to build low-cost houses to house lower-income groups when we are going to put up sub-standard and half-done houses. That is not the proper approach to it and therefore it is very difficult to compare, as the Honourable Member for Bagan Jermal says, houses built by the Penang Development Corporation at Bayan Lepas and the houses built by some 'unscrupulous' builders of 600 square feet worth about \$9,000. If you are going to compare in this way you may then claim that you are right to say that the cost of houses at Bayan Lepas is much too high. But if you want to compare properly and meaningfully, then you have got to compare the house as, firstly, what will it be worth to the occupiers in the years to come; then you have got to compare the kind of materials going into a \$9,000 house and the kind of materials going into the Bayan Lepas houses; and you

must compare the infrastructure, and compare the amenities.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, Sir, point of clarification, if I may.

Dengan izin: What I tried to say was whether we can look into what we can build at \$9,000 like those they have built there; but I did not make comparison between the two types of houses. I know \$9,000 would not be enough to build the type of houses that the Penang Development Corporation builds. I think it has been a point of misunderstanding.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): All right. What I am trying to point out for the Honourable Member for Bagan Jermal is that he has also misunderstand. I am trying to say that no one in this House can over-simplify the problems dealing with low-cost housing. The Honourable Member for Bagan Jermal attempts to give a definition of what is a low-cost housing when and whereas experts in this field all over the world cannot come to a proper definition of "low-cost house." What is the actual meaning? I must comment on the Member from Bagan Jermal that at least he makes an attempt, but I think he is over-simplifying matters.

Now, as I said, I would welcome constructive criticisms and advice, and if there are members who are unaware of the policy of the Government or the work of the Government, please ask. Use the question time to ask. Now the Member from Kawasan Pekan Bukit Mertajam mentioned the reclaimed area of Kampung Maklom. Yesterday, he mentioned whether I was aware of Kampung Berapit but I don't know whether the Member is aware of the fact that the reclaimed land at Kampung Maklom belongs to the L.P.K.T. Now, unless he is suggesting that the State Housing Section takes over that piece of land from the L.P.K.T. and carry out a low-cost housing project there, I do not know, but for his information I would like to say that this piece of land belongs to the L.P.K.T., and as far as I know, they

are considering to do something with that piece of land; but since it is not within the power of my Committee I hope he will try to understand.

Now the Member from Kawasan Bukit Mertajam has also on many occasions, and on this very occasion, mentioned that there was no low-cost housing project being carried out. Now, as a point of fact, I must hardly agree with his observation, but I would like to take this opportunity to clarify why there was some slight delay. Now, when I was appointed as the Chairman of the Housing Section and the Housing Section Committee was set up, we looked into the matter and during this last year we tried to consolidate the position; and in fact, there was one scheme ready for implementation and this scheme was Kampung Melayu Peringkat 4. I would like to take this opportunity to explain why there was a slight delay and also inform the Member from Kawasan Bukit Mertajam that in fact the statement he made that not even a project is going to be carried out this year is not true.

Now, when the Housing Section Committee was appointed, we had a look at the project Kampung Melayu Peringkat 4 and tenders were called and tenders were put in but my Committee and I disagreed with the lowest tender tendered at that time. Therefore, after due consideration and deliberations, we recommended to the M.M.K. that for this project the tender should be re-tendered because we felt that the price was too high. The tender price was something around \$5.3 million for building 470 units and one *surau*. Now, our Committee was very grateful to the M.M.K. for backing our decision and the project was re-tendered some few months ago, and the tenders came in, and I would like to inform this House that this was fortunate because if it had gone the other way our heads would roll. However, we have managed to save an expenditure of over \$1 million on this project—in fact, we have saved \$1.3 million on this project itself. The members on the opposite side have been calling the Government to try to be careful on their spending, and at least we hope that this instance

will substantiate what we have all the time been trying to do. Wherever possible, we try to save and, in fact, tenders have been closed and the tenders have been awarded to Lim Kar Bee and Sons for a sum of \$3,976,250. The whole project would take about 22 months to complete, i.e. by the early months of 1977. Now, work on the project Kampung Melayu Peringkat 4 has started on the 22nd of October this year, and this is an information I hope the Member from Kawasan Bukit Mertajam will accept. If not, will you kindly go over to Kampung Melayu and have a look at it. Probably when the thing is going to be opened I shall remember to ask the Manager to send you a special invitation.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam Encik Oh Teck Aun): I want to know about Berapit.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Now, I understand every member of this House without exception, even those on the opposite side and members from our side. Members come here and try very hard to do their best for their own constituency, but I would like to appeal to all members from both sides of this House to try to understand that the building of low-cost houses is not a simplified matter. There are 27 constituencies in the State of Penang, and if the Housing Section has got to build low-cost houses in every constituency costing nearly \$5 million, please try to calculate how that would cost the State and the Federal Government. Therefore, one has got to check the overall planning and then study it and even put a list of priorities. And, in fact, this is the difficult part, and under paragraph 31 and 32 of the speech made by Y.A.B. Ketua Menteri rightly pointed out the actual problems that the Housing Committee is facing. The Members from the other side have often queried if it is due to lack of funds. The answer partly is "Yes", but we must first have a proper and correct machinery for this set-up. It has been indicated in paragraph 32 that in this respect the State Government has proposed the establishment of a State

Housing Authority. Now, once that can be established, then I think funds will not be a big problem.

Now again, we would like to try urge the Members from the other side to try to understand—as in paragraph 33—the Government's efforts on low-cost housing are certainly not lacking if you take the Government's achievements of building as much as over 5,000 units of low-cost houses which include high-rise flats, single terrace housing, semi-detached wood houses in Bayan Lepas and medium-rise units. Therefore the problem that is highlighted by the Chief Minister in paragraph 33 about the abuse of these privileges is that the total arrears amount to \$939,668.50. Now, mind you, there are good tenants and are also bad tenants, but for your information, for the last one year we have been trying to find out—my Committee and I have been visiting these areas quite regularly—whether they have blatantly taken advantage and are abusing these privileges or, in fact, they are unable to pay. I know quite a number of people have passed remarks why the Housing Committee should not apply the law ask them to leave the units. Merely applying the machinery of administrative law is simple enough but to apply the law with justice is most difficult when we are building the houses to help people, and if people have genuine reasons for being unable to pay, should we or should we not ask them to go out? Therefore, I do not intend to make a long speech out of this except to take an opportunity to clarify some of these points.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, dengan izin: Just now there was a mention of 5,000 units. I hope the Honourable Member for Ayer Itam can clarify: 5,000 units for our State or for the whole of Malaysia, and in the last 5 years or the last 10 years? There was a mention of 5,000 units which is a very interesting figure, but I think it must be clarified in what period it was built and was it in our State?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Chong Ewe Leong): The 5,000 units have been built in our State and that information is just to inform the Members of this House that the Housing Section has to look after nearly over 5,000 units.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Thank you.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan juga menyokong Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Datuk Speaker, rakyat di Negeri Pulau Pinang sesungguhnya patut merasa bangga di atas pembangunan-pembangunan yang telah dapat dicapai oleh Negeri Pulau Pinang ini, melalui sebuah Kerajaan Negeri yang begitu berazam untuk melihat perkembangan-perkembangan pembangunan yang ada pada semua rakyat dalam semua peringkat di Negeri ini.

Datuk Speaker, sebagaimana yang diketahui umum, Negeri ini adalah sebuah Negeri yang mengalami dan menempuh proses kemajuan pembangunan yang begitu pesat yang meliputi berbagai bidang kehidupan rakyat. Dan dalam pada itupun, kita sedar bahawa masih banyak lagi kerja-kerja pembangunan yang mesti diusahakan terutama sekali dalam bidang membawa Bumiputra berkecimpung dengan lebih gigih dalam sektor perusahaan dan perdagangan bagi meninggikan taraf ekonomi Bumiputra sendiri di Negeri ini.

Datuk Speaker, di sini saya suka hendak memetik ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, yakni: "Kerajaan Negeri akan sentiasa mengingatkan keperluan bagi menentukan terutamanya kemajuan ekonomi Bumiputra". Jadi, Datuk Speaker, usaha menubuhkan Pasukan Petugas untuk mengkaji masalah-masalah Bumiputra di Negeri ini adalah mencerminkan hasrat Kerajaan Negeri ini yang bersungguh-sungguh untuk melihat perkembangan kemajuan Bumiputra di dalam berbagai bidang. Saya suka mengambil peluang ini untuk mengajak semua pihak yang berkenaan dan yang

bertanggungjawab supaya tampil ke hadapan bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan Negeri mengemukakan pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan dengan jujur dan juga dengan ikhlas demi kepentingan kemajuan Bumiputra di Negeri Pulau Pinang ini. Dengan yang demikian ke'ak dan dengan sendirinya akan melahirkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama di Negeri kita ini.

Datuk Speaker, kepada pihak swasta dan persatuan-persatuan dan juga kepada orang perseorangan, terutamanya daripada kalangan Bumiputra saya berharap tidak akan meringankan usaha-usaha yang sedang dijalankan sekarang oleh Badan Pasukan Petugas ini kerana hanya dengan adanya kerjasama dan keikhlasan serta kejujuran semua pihak sahajalah cita-cita dan hasrat tersebut dapat dilaksanakan. Berkenaan dengan ekonomi Bumiputra, hal ini tidaklah boleh disalahkan kepada Kerajaan semata-mata. Apa yang lebih penting ialah daya usaha serta keinginan yang bersungguh-sungguh dari kalangan Bumiputra sendiri mestilah ada. Malang sekali segala peluang-peluang yang terbuka ada kalanya dibolot oleh golongan-golongan yang tertentu sehingga pihak Kerajaan pula dituduh mencipta golongan-golongan **capitalist** di kalangan Bumiputra. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan semua pihak yang berkenaan bagi memastikan bahawa Bumiputra di Negeri Pulau Pinang ini mendapat peluang yang cukup untuk bergiat dalam bidang ekonomi supaya setanding dengan lain-lain kaum.

Datuk Speaker, saya yakin Kerajaan Negeri adalah bersedia menyediakan segala kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang yang mungkin dan yang mampu diusahakan oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Datuk Speaker, saya ingin menyenituh mengenai Minggu Adelaide yang akan diadakan di Negeri ini dalam bulan Disember yang akan datang.

Datuk Speaker, ada orang mengatakan bahawa usaha seperti itu tidak memberi keuntungan kepada Negeri ini. Anggapan seperti itu sangat silap

dan jauh daripada hakikat yang sebenarnya. Dengan adanya Minggu Pulau Pinang di Adelaide dan sebaliknya Minggu Adelaide di Pulau Pinang ini, maka satu perhubungan yang lebih erat di antara kedua-dua Negeri telah terikat dan hasil yang lebih banyak daripada itu ialah faedah-faedah daripada perhubungan itu dapat dinikmati oleh rakyat Negeri Malaysia dan bukan sahaja oleh Negeri Pulau Pinang. Hubungan yang erat di antara Negeri ini dengan Negeri Australia Selatan itupun telah membuka, Datuk Speaker, peluang-peluang yang banyak kepada pengusaha-pengusaha di kedua-dua buah negeri dalam bidang perdagangan dan sebagainya. Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Razak sendiri, dalam lawatan beliau ke Australia baru-baru ini telah tinggal selama 4 hari di Negeri Australia Selatan.

Datuk Speaker, dengan adanya usaha di antara kedua-dua buah negeri seperti mengadakan Minggu Pulau Pinang dan juga Minggu Adelaide maka rakyat di Negeri ini berpeluang menambahkan usahasama-usahasama perdagangan mereka terutamanya dalam bidang pelancungan. Peluang-peluang ini juga patut mendapat perhatian daripada kalangan-kalangan pengusaha-pengusaha Bumiputra sendiri. Oleh itu, Datuk Speaker, tidaklah ada sebab mengapakah rakyat Negeri ini seluruhnya tidak menyokong usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Pulau Pinang ini. Saya mengambil peluang di sini juga, berseru supaya Minggu Adelaide yang akan diadakan sedikit hari nanti di Pulau Pinang mendapat sambutan sepenuhnya dan kita berharap rakyat kedua-dua buah negeri ini akan mendapat hasil yang besar daripada usaha-usaha tersebut.

Berkenaan dengan masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal dan juga oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga, saya bersetuju bahawa cadangan yang telah dibuat oleh Hoteliers' Association itu akan memberi imej yang tidak baik kepada Negeri Pulau Pinang, khususnya kepada hotel-hotel di sini. Walau bagaimana-

pun saya telah mengadakan satu mesyuarat dengan Presiden dan juga *Secretary Hoteliers' Association* dan mereka telah memberi satu jaminan bahawa perkara ini akan dirujuk kepada Persatuan itu dan jawapan akan diberi kepada Kerajaan Negeri tidak lama lagi.

Datuk Speaker, berkenaan dengan setinggan-setinggan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam, setinggan-setinggan yang terlibat di dalam rancangan pembangunan tidaklah mendapat *exgratia payment* lebih daripada yang mereka berhak. Mengikut undang-undang cuma wang pampasan patut diberi kepada tuan tanah tersebut. Jadi projek-projek penempatan semula misalnya di Permatang Damar Laut bukan sahaja menguntungkan rakyat yang berkenaan malahan adalah menjadi satu bukti dan kenyataan bagaimana rakyat dan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat sendiri dapat bekerjasama dengan baik dan sempurna di dalam melaksanakan satu usaha yang begitu besar.

Datuk Speaker, saya yakin bahawa dengan keazaman dan pimpinan Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini Pulau Pinang akan menempuh dan melalui zaman pembangunan yang pesat dan akan dapat memberi kemakmuran kepada rakyat tidak kira bangsa dan ugama samada mereka berada di bandar ataupun di luarbandar sesuai dengan usaha Kerajaan Negeri pada masa ini yang sedang membina bandar-bandar baru di Pulau Pinang dan juga Seberang Perai.

Dengan masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal berkenaan dengan Prai Barrage, Kerajaan sendiri sadar atas kelewatan pembinaan Prai Barrage itu dan sebab-sebabnya ialah kerana masalah pengambilan tanah dan penempatan semula setinggan-setinggan. Pengambilan balik tanah yang luasnya 82 ekar itu telahpun selesai pada tahun yang lalu dan Kerajaan Negeri sedang menyediakan tapak perumahan untuk memindahkan setinggan-setinggan ini di kawasan berdekatan dengan kawasan perindustrian Bagan Serai.

Berkenaan dengan masalah yang juga dikemukakan oleh Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam berkenaan dengan jalan di Taman Chai Leng Park, jalan itu belum lagi diambilalih oleh J.K.R. dan oleh sebab itu jalan itu tidak dapat diperbaiki. Berkenaan dengan jalan yang ada di Berapit Village di Seberang Perai, jalan yang ada sekarang ini ialah jalan yang kita katakan '*metal road*' tetapi jalan ini digunakan oleh rakyat di kampung itu sebagai sementara atau sebagai '*short-cut*' dan jalan ini belum di-update-kan. Oleh itu J.K.R. tidak dapat mengambilalih jalan tersebut. Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, pertama sekali saya ucap berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ambil bahagian di dalam bahasan Usul saya. Di sini saya sendiri berasa gembira dan bangga apabila saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli dari Bagan Dalam, Teluk Bahang, Penaga dan Penanti, sebablah mereka bawa perkara-perkara yang saya rasa cukup penting untuk pertimbangan Anggaran Pembangunan.

From the visit of the Honourable Prime Minister, and subsequently by delegations from the private sector, from businessmen and from the Malaysian Medical Association, they came back and it was reported in the Press that the country is fully developed and the country is willing to stretch out a helping hand to the undeveloped countries or State. So if we were to organise a study tour to the place we can establish friendly ties between this State and the Cities of Canton and Shanghai and it is hoped that we may be helped to learn how to develop our own State.

Very often oversea-tours come under attack because they are usually related to a money-spending spree, personal joy and fun. But in a country like the Republic it is a well-known fact that when we want to visit the Republic there is no way to waste money for pleasure, for personal entertainment or for fun and joy. When one goes to the Republic, the first thing is to make business and after business we may be taken for sight-seeing. So there is

no way for extravagance or for unnecessary expenditure if we were to go there. Again the expenditure involved may be the return air-ticket from Hongkong and the passage to Canton and Shanghai. The fares may not amount to more than \$1,000. Again the expenditure that we may need will be the board and lodging which may be estimated at \$30.00 per day. And if we are going to be there for 10 days the expenditure for board and lodging will not be more than \$300.00 per person. So the total expenditure involved in the tour will be less than \$1,300 per person for 10 days.

Datuk Speaker, if we all have the interests of the public of our State in our hearts, and we are sincere and honest about bringing benefit and prosperity to our State, then I believe each and every one who is nominated for this tour would like to dig his own pocket for the expenditure. If I am the one, I will be the first one to dig into my own pocket for this expenditure. So this tour will rule out any possibility of attack for wastage of public funds.

Now coming back to the purposes for the tours, as I have listed out in my Motion:

"(i) The promotion of two-way trade between our State and the Republic".

The population in our State is today estimated to be nearly 1 million and it is assumed that more than half of them are traders of some kind or other. Some are small traders, many are businessmen. Also our State has the finest sea-port in the country and this has helped to promote trade between our State and other countries. The City of Canton is also world-famous for its trading capacity and therefore if our State were to link up with Canton in promoting trade between Canton and our State, I believe a great deal of achievement can be obtained. For example, we can import the foodstuffs from Canton into our country and re-export them to the countries which need them so that we can make a commission on them. Also the Republic is known. When I was in Hongkong I heard that the Republic requires hardware stuffs

from other countries and if that is the case we can import the hardware stuffs or whatever they need. We can find out from the study tour whatever Canton needs and we can import them here and re-export to Canton. This is the kind of trading facilities and the idea I have in mind when I said "two-way trade between our State and Canton."

Coming to:

"(ii) The promotion of light and heavy industries for our State and in particular the fishing and agricultural industries",

At present the industrial development that is being promoted in our State has to rely completely on foreign capital and be run by foreign personnel to the benefit of foreigners because we have no personnel to run industries in our State.

Datuk Speaker, also with regard to the heavy industries, so far we have only one steel mill and only one shipyard. We have thousands of acres of vacant estate lands so we can try to learn how to develop heavy industries. That is something we need to learn from other countries. And I think I have it from the report, from various sources, magazines and so on, that China is quite well advanced in heavy industries. This is the way I think we may be able to learn something from them on how we can develop heavy industries to be managed by our own people.

The fishing industry in our State is not very well promoted and is also far from perfection. Our State, particularly the Island, is surrounded by the sea but there is no proper fishing port developed here. A visit to Canton will enable us to learn how fishing ports can be developed and how the fishing industry can be promoted, and with this study it may be possible for our own fishermen to go into the deep ocean for the development of the fishing industry.

Also, as regards to the agricultural industry in our State this is also far from perfection; there are still a lot of hillside lands which we have not developed and I believe these hillside lands are a waste. We may be able to learn how hillside land may be turned into

useful agricultural land and we should be able to promote small farms like those I have read about in the magazines. In the districts around Canton they have been doing small farming schemes and they export vegetables to Hong Kong.

Datuk Speaker, about the construction of the Penang-Mainland Bridge, this has been a much talked-about subject in this House as well as outside for the last 5 to 6 years—since the time when the Chief Minister stood up on the General Election platform saying that the Gerakan will build the bridge. Since that time the bridge has become the topic of our State. It is a much talked-about topic. From what I can imagine and I have a feeling that for this Penang-Mainland Bridge—although the Government said that it will be completed before 1980—unless we can get the help from the highly-developed nations for this project, it will not be possible for our State to complete it, or for the Federal Government to deviate so much funds for the construction of the bridge.

The Republic, as we know, have constructed thousands of bridges here and there and it is time that we learn how if we have a chance to go for a study tour, I believe we can learn how to construct a bridge at a cost that we can afford.

Again, since the year 1970 there is not even one unit of low-cost house built for the State until the announcement just now by the Honourable Member for Ayer Itam that there is going to be 470 units built next year. I congratulate the Government for pricking through the eyes of our State for the construction of low-cost houses in our State and I must congratulate the Chairman of the Low-Cost Housing Committee for bringing about the realisation of these 470 units of low-cost houses built in Kampong Melayu.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Clarification: Kampong Melayu Peringkat 4.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

So I think it is essential that we should study how low-cost houses can be built at a cost that we can all afford, and we can learn from other countries like Singapore which is a highly-developed country for low-cost houses. We hope that one day the Chairman may have the chance to go there to study how they implement their low-cost housing schemes. There is no harm in studying some of the programmes that is going on in the Republic, and how they build houses for the lower-income group.

Now, we come to the implementation of land reclamation in our State; the land in our State is very scarce and the Honourable the Chief Minister has stressed this in this House many times. If we were to talk about how to house our people this problem will immediately be erased if only our State can get more land through land reclamation, especially of the swampy lands. I was told that we have 27 acres of swampy land in our State. If we reclaim that swampy land we can turn that into useful land for agriculture and for implementation of Buku Hijau and land to house our people and so on.

Again, we want to solve the squatter problem. The squatters are now squatting on very valuable Government land like Kampung Gajah and so on which will cost something like \$15 per square foot. If we want to resettle the squatters and take back the land which is worth \$15 per square foot along the seaside I think we have to obtain it by land reclamation and resettle the squatters. This is also the problem that we have to study and which we have to learn.

I think Singapore also is very advanced in this kind of project and we are hoping that one day we may be able to pay a visit to Singapore. But there is also no harm that in going on a study tour we might as well visit the Republic and learn about the land reclamation that is being implemented or may have been implemented in the Republic.

Sir, "Promotion of Cultural and Sports Activities:" Only a few days ago there was a football team coming from the Republic to play in our place. I was lucky enough to get a ticket to watch the game.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Ahmad bin Sulaiman): Were you not invited?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): There was no invitation at all to anybody because, I was told, the seats there were very scarce.

So, you see, one way why our young people have taken to drugs is because their health is not good and they take to drugs as a "kick" for health, for relief, and also due to the "yellow culture" that has been going on in our country and in our State—those things like 'I love you' and 'You love me'. That kind of culture will take our young people to drugs because once there is a party full of people of the "yellow culture", I think what follows will be drug addicts coming into activity at these types of parties. So we need to promote some kind of healthy culture. You see, I was fortunate enough many years ago in London in 1955, to have seen a kind of Chinese game being performed in London: The game is slightly like a circus game, but I cannot mention the name here. I am sorry my vocabulary is not that good. Now, If we can have a healthy control and promotion of sports activities in our State I think we could help our people to get away from drugs.

Datuk Yang Dipertua, we know very well that on various occasions China has sent out sports teams to various parts of the world and it has won a great deal of prizes here and there, and recently there was a football team which the Press has given quite good comments.

So what I feel is that if we have a chance to go there we can learn how to promote this healthy culture and how to promote the sports activities so that our people will be good in badminton, football, basketball, ping-pong and so on and how they carry

out their activities in the various places, especially in the rural districts.

Datuk Yang Dipertua, in winding up my speech on this Motion, I wish to stress very clearly that I personally know very little about the Republic of China and what I have said here is from facts I have read from the Press Reports and the Special Branch will check my records that I have nothing to do with the new C.I.A. or the old C.I.A., and I have nothing to do with the Red Army of Japan. What I propose here is with all sincerity and honesty from my heart that this trade will bring good to our State. So I have no connection at all with the Republic's Embassy in Kuala Lumpur and therefore whatever arrangement that may have to be made the Government will have to do the job. The most important thing I expect of the Government is that the Government should sponsor the tour so that the Members of this House can go there and study what I have mentioned just now.

Datuk Yang Dipertua, this I beg to move and I hope that I will have the support of the other side of the House.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Datuk Speaker, saya menyokong Usul itu.

Tuan Speaker: Usul dibuka untuk dibahas.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, sungguhpun Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal memang mempunyai hak demokratik untuk menyatakan apa sahaja beliau ingin di dalam Dewan ini, tetapi jika kita menimbangkan Usul ini secara *serious*, selepas mendengar ucapan beliau kita tak dapat tidak berpendapat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal sedang diliputi dengan khayalan dan perasaan membanggakan diri.

Datuk Yang Dipertua, dengan izin: I hope the sense of euphoria and of personal grandeur is merely due to his experience in Klang where he came across bottled toddy (*ketawa*) and not due to much more serious psychopathic reasons of his opinion.

Datuk Yang Dipertua, terjalannya perhubungan baik di antara Negara Malaysia dengan Republic Rakyat Cina, ujudnya Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein dalam lawatan beliau ke Negeri Cina dan selepas pengumuman perhubungan kedua Negara dan selepas perjumpaannya dengan Pengerusi Mao Tse-Tung dari Republic Rakyat Cina pada 29hb May tahun 1974, ujudnya perhubungan yang membawa kepada keadaan yang mengembirakan dari segi persefahaman dan persahabatan di antara kedua-dua buah Negara telahpun diusahakan secara teratur. Ini akan dipujuk secara seimbang dan teliti pada masa hadapan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini akan menghargai iaitu berikutan dengan perhubungan yang erat ini maka terdapat perhubungan rapat di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republic Rakyat Cina dan kita yakin bahawa apabila tiba masa yang sesuai nanti maka akan ujudlah peluang untuk menjalinkan persahabatan yang lebih erat lagi di antara kedua-dua Negara. Buat sementara ini adalah terlalu awal bagi kita menjangka bahawa perwakilan dari peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri akan membantu memupuk lagi pertalian di antara kedua-dua buah Negara tersebut.

Datuk Yang Dipertua, tidak ragu lagi bahawa apabila Republic Rakyat Cina memahami dengan lebih mendalam lagi Kerajaan Negeri kita yang bercorak Persekutuan maka boleh kita menjangka dengan harapan yang besar bahawa perhubungan secara ini akan terjalin. Buat masa sekarang warganegara Malaysia dalam Negeri Pulau Pinang dan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal sendiri boleh melawat Republic Rakyat Cina melalui saluran yang tertentu yang telah ditetapkan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Republic Rakyat Cina. Ramai orang perdagangan, pelawat-pelawat dan pelancung-pelancung dari Negeri Pulau Pinang telah mengunjungi Republic Rakyat Cina dengan bantuan daripada Pihak Berkuasa Persekutuan.

Tujuan-tujuan kemegahan Usul ini yang mana Yang Berhormat Ahli dari Bagan Jermal nampaknya telah memindahkan kepada dirinya kuasa-kuasa seorang bukan sahaja Menteri tetapi *super-Menteri* Hal Ehwal Luar Negeri, Kewangan, Perdagangan, Perindustrian, serta Kebudayaan dan sukan—bukan suka. Tau suka? I love you you love me (*ketawa*) atau satu *superman* atau *supermini*.

Cara-cara di mana beliau telah mengemukakan Usul ini kepada Dewan dan perbuatan inilah anggapan saya bahawa beliau diselubungi oleh keadaan khayalan. Kami di sebelah sini menyokong dengan sepenuhnya usaha Kerajaan Persekutuan untuk menjalinkan perhubungan persahabatan dengan Republic Rakyat Cina dan kita akan berusaha sedaya-upaya untuk memperkukuhkan lagi perkembangan persahabatan saling erti-mengerti di antara kedua-dua Negara kita. Oleh itu kami menolak Usul ini kerana kurang pengertiannya tentang apa yang dapat dicapai oleh kedua-dua buah Negara kita dengan sewajarnya pada masa ini.

Datuk Yang Dipertua, sungguhpun selepas mendengar Ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal dan bagaimana beliau telah membawa Usul ini saya sendiri berasa tidak payahlah kita menjawab tapi kita menolak sebab sesungguhnya dalam ucapannya beliau telah menunjukkan bahawa beliau tidak faham apa yang dibawa dalam Usul dan kalau saya tidak lupa saya telah tuliskan di sini beliau bercakap tentang 'joy and fun without any thoughts and without knowing what he is talking about', as he himself has said.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, dengan izin. I do not really catch very much what the Honourable the Chief Minister has said in connection with my Motion. I thought he was going to call me the Red Army of Japan or he was going to call me a member of new C.I.A. and so on and so forth. But I thank him anyway for participating in the debate on this Motion although he did not say very

much. The only thing he said was what the Federal Government has already done in so far as the relationship with the Republic is concerned and, therefore, he will support whatever the Federal Government has done so far and he himself has no intention of doing anything more than that. So also in his speech as usual, he points the machine-gun (*ketawa*) at me, ridiculing me to a certain extent of being something he mentioned—super minister.

Ketua Menteri: Bukan. Super mini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Super mini. This is the way he ridicules me and he also said that I do not really know what I am talking about but to me it looks as if he does not really know what he is talking about.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, point of clarification. I did not say that the Honourable Member did not say anything. I only repeated what he said. What he said in the course of his speech was—I think the words are accurate—‘joy and fun without any thoughts and he does not know very much’; I mean that was what he said. I only quoted it.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Thank you for your clarification. But it is written very clearly in the context of my Motion the purpose, aim and objective of the study tour; I have said very clearly that since it has been 7 years or more that we have not had a study tour for the Members of this House, especially for those who have been serving here the last term, I think C.P.A. has been thinking about that in our State. Well, I know exactly what I am talking about and I can substantiate it any time you require me and I will be very happy if you can refer me—if you are taking objection to what I said just now, about “joy and fun without any thought”—to the Privilege Committee. I can substantiate it in full and I know exactly what I am talking about. The trips organised to America in 1970 for promotion of electronic industries were purely for

joy and fun. I repeat that and I hope you can refer me to the Privilege Committee where I can explain and substantiate it in full.

Datuk Yang Dipertua, this is a very simple Motion and I expect the support from the Honourable the Chief Minister, but unfortunately it is the other way round. But the people from our State generally will think of what he said just now and they will draw their own conclusions. Datuk Speaker, since the speech from the Honourable the Chief Minister was very short, I have no other point to rebut him and this is all I can say to rebut him.

Soalan dikemukakan dan tidak dipersetujui.

6. PENANGGUHAN.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan seskarang.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, saya menyokong.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Dewan supaya mengkaji semula kedudukan mengenai daerah-daerah dalam Negeri kita ini, dan lebih-lebih lagi di peringkat daerah-daerah di seluruh Negeri kita, khususnya pejabat-pejabat, bagi mengatasi masalah yang berkaitan dengan rakyat. Perkara seperti ini saya bangkitkan adalah bertujuan baik supaya tindakan yang adil haruslah dipertimbangkan dari segi pembangunan dan peruntukan kewangan untuk tujuan pembangunan dalam Negeri kita.

Pada masa ini kita sedang menghadapi dua daerah yang tidak sama, iaitu dari hak kawasan-kawasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen. Contohnya di daerah Seberang Perai Utara sahaja kita ada mempunyai seramai 7½ kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri dengan 2½ kawasan Ahli Parlimen. Ini sudah tentulah ada berbagai-bagai permin-

taan yang telah dan akan dikemukakan oleh Ahli-ahli yang saya sebutkan di atas tadi demi faedah kepada rakyat di kawasan-kawasan yang berkenaan itu. Semua permintaan-permintaan ini pada hakikat perlaksanaannya sudah tentunya mengambil masa yang panjang dan mungkin mendatangkan banyak kesulitan-kesulitan kerana permintaan-permintaan yang terlampau banyak yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli tersebut, sedangkan wang peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan kepada daerah-daerah ini adalah sama sahaja; dan bagi daerah-daerah yang di luar kawalan sudah tentulah permintaan adalah berkurangan. Jadi bolehlah saya sifatkan sebagai menguntungkan bagi daerah itu dan semua permintaan dari rakyat akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan peruntukan kewangan bagi daerah itu akan melebihi. Dengan kawalan yang begitu mungkin juga akan mendatangkan keburukan kepada daerah-daerah lain sedangkan daerah itu juga terletak di dalam Negeri kita.

Berbalik kita kepada daerah kita, oleh sebab beberapa banyak permintaan yang dikehendaki oleh rakyat, saya yakin tentulah tidak semua perlaksanaannya akan dapat disempurnakan oleh Kerajaan kerana kewangan akan habis dengan cepat. Projek-projek yang dipohon oleh mereka tidak dapat diselesaikan. Dengan itu rakyat akan menuduh kita tidak memikirkan dan mengkaji sebab ketidakhadanya ini demi kemajuan mereka dan Negeri kita amnya. Saya sangat yakin jika pengkajian ini dapat dilaksanakan dengan sempurna oleh Kerajaan Pulau Pinang sebuah daerah atau dua daerah yang baru akan muncul dalam Negeri kita. Ini hendaklah berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Saya juga telah mendapat tahu bahawa Kerajaan Negeri dalam masa yang lalu telah berura-ura untuk memisahkan daerah Seberang Perai Utara kepada dua daerah, iaitu sebuah Daerah yang dinamakan Butterworth atau Bagan Jaya dan sebuah lagi Kepala Batas. Saya menyeru kepada Kerajaan Negeri ura-ura yang difikir-

kan dahulu itu patutlah dikaji semula dan jika perlu ura-ura itu hendaklah dilaksanakan demi faedah rakyat dan kemajuan Negeri kita. Saya sangat menyokong dengan kuatnya supaya ura-ura itu dihidupkan kembali dan pengkajian yang menyeluruh hendaklah dijalankan atas dasar-dasar keadilan yang sama. Sekian.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, bagi menjawab Ucapan Penangguhan yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Tasek Glugor, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli tersebut di atas cadangan yang telah dikemukakan itu memang baik. Tetapi walau bagaimanapun cadangan tersebut akan dikaji dengan mendalam oleh pihak-pihak pentadbir Negeri Pulau Pinang ini. Walau bagaimanapun sukalah saya tegaskan di sini bahawa adalah menjadi dasar Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memberi pertimbangan yang sama adil kepada semua daerah dan kawasan pilihanraya dari segi pembangunan dan peruntukan kewangan.

Peruntukan untuk projek-projek kecil pembangunan masyarakat Negeri tahun 1975, misalnya adalah dibahagikan kepada daerah-daerah bukannya mengikut pukol rata bilangannya tetapi mengikut keperluan dan mustahaknya sesuatu projek itu. Seperti mana yang telah saya sebutkan di awal tadi, cadangan Yang Berhormat akan dikaji selanjutnya dengan mendalam maklumlah membuka sebuah daerah atau untuk menjadikan sesuatu kawasan itu di sesebuah daerah dalam pentadbiran bukanlah satu perkara yang dapat diadakan dengan senang kerana banyak perkara-perkara yang berkaitan dengannya, tetapi walau bagaimanapun perkara ini akan dikaji dan di masa-masa yang akan datang apabila sampai waktunya, akan dilaksanakan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Datuk Speaker, saya pernah membangkitkan perkara-perkara mengenai tanah dalam

Negeri kita, terutamanya di Seberang Perai dalam Dewan ini dahulu. Biasanya satu permohonan tanah akan memakan masa lebih-kurang enam bulan untuk diproseskan. Akan tetapi terdapat banyak permohonan yang terpaksa ditunggu-tunggukan peruntukan sehingga beberapa tahun lamanya kerana sesuatu sebab. Untuk menjamin supaya permohonan ini tidak ditangguh-tangguhkan lagi Kerajaan hendaklah menetapkan satu ukuran atau *standard* dan menetapkan satu jangka masa yang tertentu supaya permohonan-permohonan dapat diproseskan. Manakala didapati ukuran ini tidak ditepati, maka Jabatan-jabatan yang berkenaan hendaklah memberi keterangan-keterangan. Kita tidak hendak membawakan apa-apa kesusahan ke atas pegawai awam kita, akan tetapi kita terpaksa memelihara ukuran dan "efficiency" untuk mencapai kemajuan dan untuk kepentingan rakyat. Dalam masalah pembahagian tanah dan pemberian T.O.L. terdapat kecacatan undang-undang dan kejadian-kejadian yang tidak adil—(There are loopholes and anomalies in land alienation and the granting of T.O.L.) Manakala ramai orang menunggu-nunggu permohonan tanah dibenarkan, maka terdapatlah tanah-tanah yang telah dibahagikan oleh Kerajaan itu yang ditinggalkan kosong dan tidak digunakan buat begitu lamanya. Ada juga kes-kes terjadi ke atas pemohon-pemohon yang berjaya itu menjual tanah-tanah yang dibahagikan oleh Kerajaan kepada pihak yang ketiga untuk mendapat keuntungan. Jadi suatu keadaan yang sangat-sangat tidak menasabah telah berlaku. This is an ironical situation. Iaitu ada orang yang sesungguhnya tidak memerlukan tanah diberikan tanah, manakala ramai orang yang amat memerlukan tanah itu tidak diberikan tanah.

Tuan Speaker, dasar-dasar Barisan Nasional, antara lain, ialah menghapuskan kemiskinan dan berjuang untuk mencapai satu masyarakat yang adil dan saksama. Dalam menghadapi masalah-masalah salahguna kuasa dan salahtadbir ini Kerajaan

kita hendaklah mengambil tindakan yang tegas untuk menjamin supaya bukan sahaja tanah dapat dibahagikan kepada rakyat yang sungguh-sungguh memerlukan tanah tetapi juga pengaduan untung atau *speculation* atas tanah-tanah yang dibahagikan oleh Kerajaan itu dapat dicegahkan. Begitu juga semua pemindahan nama atas tanah dan penjualan semula tanah yang dibahagikan oleh Kerajaan hendaklah dibataskan.

Tuan Speaker, perkara lain yang ingin saya kemukakan dalam Dewan ini ialah berkenaan dengan jalan-jalan di kawasan luarbandar. Kawan-kawan kita yang sentiasa melawat kawasan luarbandar telah ketahui bahawa jalan-jalan dan lorong-lorong di kawasan tersebut adalah amat buruk dan jalan-jalan tersebut selalu penuh dengan lekuk-lekuk dan lapuk-lapuk di sana-sini pada masa hujan. Maka jalan-jalan seperti ini pun penuh dengan lumpur-lumpur dan banjir pula terjadi dan kadang-kadang tidak dapat dilalui. Lebih-lebih lagi saya ingin menarik perhatian ke kawasan seperti Kuala Tasek, Kampung Manggis, Kampung Bukit Nanas, Kampung Tongkang, Bukit Minyak dalam constituency Machang Bubuk. Di masa yang lalu Kerajaan cuba memelihara dan membaiki jalan-jalan ini dengan memberikan tanah merah dan habuk galian batu (red earth and quarry dust). Dukacita dikatakan bahawa banyak wang dibelanjakan dengan sia-sia kerana setelah tanah merah dan habuk galian batu ditimbuskan, ianya dihabiskan oleh hujan maka keadaan pulih seperti asalnya dan proses yang sama diulangkan lagi. Dalam keadaan ini nampaknya penyelesaian jangka panjang ialah membubuh minyak tar ke atas jalan-jalan di kawasan luar bandar ini. Kita sedar bahawa usaha ini memerlukan sejumlah besar wang dan pada peringkat pembangunan Negeri ini Kerajaan kita tidak mampu membubuh minyak tar ke atas semua jalan dalam kawasan luar bandar. Barangkali cara yang dianggap praktikal sekali ialah bubuh minyak tar ke atas jalan-jalan ini dengan satu peringkat demi satu peringkat atau

satu bahagian demi satu bahagian dalam jangka waktu beberapa tahun dengan bergantung kepada tabung pembinaan jalan yang boleh didapati. Dengan demikian maka diharap kebanyakan jalan luar bandar terutama yang penting itu akan dapat dibubuhkan minyak tar dalam beberapa tahun yang akan datang serta memelihara keadaan yang baik bagi keuntungan rakyat.

Datuk Speaker, pembinaan jalan yang baik dan lain-lain *infrastructure* yang *basic* dalam kawasan luar bandar adalah keperluan atau syarat yang terlebih dahulu untuk pembangunan dan merupakan satu langkah yang penting ke arah dasar Kerajaan kita untuk mengurbanisasikan kawasan luarbandar.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, izinkan saya menjawab perkara kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Machang Bubuk berkenaan jalan-jalan di kawasan luar bandar. Datuk Speaker, saya sebenarnya ragu-ragu samada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Machang Bubuk tersebut sedang merujuk kepada jalan di kawasan luar bandar yang dibina dengan sempurna yang mana adalah jalan-jalan Negeri. Dalam kes jalan-jalan di kawasan luar bandar, Datuk Speaker, iaitu jalan-jalan Negeri, jalan-jalan ini adalah dibina oleh J.K.R. mengikut taraf jalan yang ditetapkan yakni *sets and road standards* yang mana kumpulanwaug adalah dibekalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Secara am penyelenggaraan anggaran jalan-jalan Negeri adalah dianggapkan memuaskan dan sekiranya terdapat lopak-lopak di sepanjang jalan ianya akan ditambah dari masa ke semasa oleh J.K.R.

Datuk Speaker, mungkin bila Yang Berhormat daripada Kawasan Machang Bubuk menyatakan Kuala Tasek, Kampung Bukit Nanas dan Kampung Tongkang, beliau mungkin merujuk kepada simpangan-simpangan jalan masuk kampung yang belum dibina setaraf dengan jalan Negeri.

Dalam kes seperti ini juga, Datuk Speaker, di mana simpangan jalan masuk adalah dalam keadaan buruk, walaupun jalan-jalan ini tidak biasa digunakan oleh penduduk-penduduk, kumpulanwang telah diuntukkan kepada Pejabat Daerah untuk membaiki jalan-jalan ini dengan tanah merah ataupun "quarry dust" sebagai satu langkah sementara ataupun sehingga simpangan-simpangan jalan masuk ke sini dibaiki sehingga mencapai taraf yang diperlukan. Perkara ini juga, Datuk Speaker, bergantung kepada kumpulanwang yang disediakan untuk tujuan ini. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, 19 projek-projek pembinaan jalan di kawasan luar bandar telah dicadangkan dan akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi peruntukan jalan sepanjang 27.47 batu yang akan dibina di atas kos yang dianggarkan sebanyak \$7.14 juta.

Berkenaan dengan perkara New Villages, yakni perkara permohonan tanah memakan masa 6 bulan, mungkin perkara ini berkaitan dengan *new villages* di mana kita adakan "Multiple Application". Berkenaan dengan *land alienation or granting of T.O.L.* yang disebutkan oleh Yang Berhormat tersebut—ada loopholes ataupun anomalies—apa yang saya tahu, Datuk Speaker, tidak ada *loopholes* semasa T.O.L. dikeluarkan oleh sebab ada tanah-tanah yang kosong sebab Kerajaan hendak tanah untuk kemajuan Negeri ini. Berkenaan dengan kes-kes di mana pemegang tanah dapat menjualkan dengan keuntungan, ini tidak dibenarkan oleh Kerajaan tanpa kebenaran daripada Kerajaan sendiri. Mungkin perkara ini yang disentuh oleh Yang Berhormat berkenaan New Villages, yakni selepas 10 tahun maka mereka boleh menjual tanah yang dipunyai oleh mereka sendiri.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Yang Dipertua, dalam ucapan tangguhan ini saya suka membawa perhatian Dewan iaitu kepada satu perkara yang tidak boleh kita nafikan.

Masih ada jalan-jalan raya dan juga taman-taman perumahan swasta yang masih tidak menggunakan nama yang mencerminkan nama kebangsaan, seperti jalan-jalan raya yang ada di Negeri kita ini masih banyak yang belum diubahsuaikan dengan nama kebangsaan. Yang anihnya pula, Datuk Speaker, walaupun sudah ada nama diubahsuaikan dengan nama kebangsaan tetapi malangnya pula penduduk-penduduk tidak mahu menggunakan nama yang telah diberi oleh Kerajaan. Mereka masih suka menggunakan nama asal. Maka dalam Dewan ini, Datuk Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian kepada orangramai khususnya di dalam kita melaksanakan Rukun Tetangga dan juga menghormatinya, maka dapatlah kita sama-sama menggunakan apa yang telah dijadikan ataupun nama jalan dan nama taman yang ada kaitan dengan nama kebangsaan. Misalnya orangramai masih suka menggunakan nama jalan dengan nama yang asal. Misalnya Anson Road, Penang Road dan sebagainya. Maka inilah yang saya suka bawa ke perhatian Majlis Dewan ini, terutama kepada penduduk kita yang tinggal di dalam kawasan yang berkenaan.

Satu perkara lagi, Datuk Yang Dipertua, ialah mengenai ucapan dalam Mesyuarat yang lalu di mana wakil daripada Bagan Ajam telah membangkitkan soal layanan orangramai oleh setengah-setengah pejabat-pejabat Kerajaan. Apa yang saya suka bangkitkan pula di sini ialah, Datuk Yang Dipertua, mengenai layanan surat-surat daripada orangramai ataupun daripada rakyat oleh setengah-setengah Jabatan-jabatan Kerajaan. Yang amat mendukacitakan ialah kerana andainya surat rayuan yang dikemukakan oleh rakyat ataupun orangramai ada kalanya sampai satu bulan tidak mendapat jawapan walaupun jawapan yang merupakan *acknowledgement* dan sebagainya. Ada kalanya pula surat-surat daripada wakil rakyat juga tidak begitu mendapat layanan daripada Jabatan-jabatan sehingga berbulan-bulan dan ada pula yang tidak menjawab langsung.

Maka ini yang patut diberi perhatian oleh Kerajaan di atas Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Datuk Yang Dipertua, kalau kita mengikut di dalam buku Perintah Am memanglah ada menyebutkan dalam bahagian A sehingga B iaitu mengenai surat-surat yang diterima. Bahagian 16 dalam Perintah Am itu ada menyebutkan adalah sebagai satu daripada tugas terpenting Ketua Jabatan dan lain-lain pegawai yang bertanggungjawab di dalam sesebuah Jabatan itu untuk menentukan bahawa semua surat yang diterima diberi perhatian dengan segera dan sekiranya surat-surat itu memerlukan jawapan, diberi balasan dalam kadar yang segera. Maka inilah saya suka membawa ke perhatian Dewan ini, Datuk Yang Dipertua, supaya hal ini tidak berulang lagi dan tidak akan berlaku lagi di dalam kita melaksanakan rancangan Malaysia Ketiga.

Satu lagi, Datuk Yang Dipertua, untuk pengetahuan Datuk Yang Dipertua, walaupun bekalan letrik tidak ada kena-mengena dengan pihak Kerajaan Negeri tetapi saya suka membawa perhatian iaitu kekurangan bekalan letrik ataupun kekuatan *power* letrik terutama sekali di Kawasan Penaga sangatlah kurang kekuatannya. Barangkali *voltage* yang disediakan oleh Pihak Lembaga Letrik Negara tidak begitu kuat dengan sebab pada hari ini boleh dikatakan di Kawasan Penaga sudah ada banyak kilang-kilang yang didirikan dan juga kilang-kilang padi yang didirikan. Jadi kekuatan letrik ini tidak mencukupi. Demikian juga selalu rosak dengan sebab sedikit angin-ribut yang datang kerap kali dan kawasan itu dalam keadaan gelap-gulita. Jadi saya suka membawa ke perhatian supaya Kerajaan dapat melihat keadaan ini.

Lagi satu ialah mengenai talipon di mana perkhidmatan talipon terutama sekali di Kuala Muda, Seberang Perai, boleh dikatakan selalu di dalam kerosakan. Pengguna talipon pada akhir-akhir ini sudah 4 ataupun 5 bulan tidak dapat menggunakan talipon

mereka, iaitu talipon-talipon persendirian, kerana kerosakan yang selalu berlaku dengan sebab—mengikut apa yang saya fahamkan—di kawasan Kuala Muda ini pihak yang berkuasa dan bertanggungjawab ialah Controller of Telecoms, Negeri Kedah/Perlis. Jadi saya suka membawa perhatian Dewan ini, kalau boleh, di Kuala Muda ini patutlah dimasukkan ke dalam lingkungan Butterworth ataupun lingkungan Kepala Batas supaya penjaja-penjaja dan orangramai yang menjalankan perusahaan di Kuala Muda, terutama sekali pengusaha ikan dapat menggunakan talipon mereka dengan lebih mudah dan lebih senang lagi daripada apa yang ada pada hari ini. Jadi pengguna-pengguna talipon membuat pengaduan mengatakan mereka membayar sewa yang boleh dikatakan sia-sia sahaja dalam 4 atau 5 bulan ini, pada hal talipon mereka ini tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Jadi inilah sahaja, Datuk Yang Dipertua. Pada akhirnya saya suka mengambil kesempatan barangkali semua Ahli-ahli Dewan akan bersetuju dengan saya untuk mengucapkan selamat belayar kepada Datuk Yang Dipertua suami-isteri menunaikan fardzu Haji pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, untuk menjawab ke atas ucapan tangguhan yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Penaga, perkara-perkara berkaitan dengan nama-nama jalan, taman-taman dalam perumahan swasta, perkara berkaitan dengan layanan surat-surat oleh setengah-setengah pejabat yang mendukacitakan, perkara-perkara ini dapatlah diambil perhatian. Tetapi perkara yang berkenaan dengan nama jalan, pada masa akan datang dapatlah dikembalikan nama-nama itu pada cara yang sesuai dengan keadaan di Negeri kita ini.

Selain daripada itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara yang berkaitan dengan letrik dan talipon, kemudahan letrik yang telah disediakan oleh L.L.N. bagi Kawasan

Penaga adalah cuma untuk penggunaan rumah-rumah yang *domestic* sahaja. Tetapi akhir-akhir ini perusahaan-perusahaan kecil seperti kilang-kilang pengisar padi dan sebagainya telah tumbuh dengan banyaknya. Penggunaan kuasa untuk tujuan perusahaan industri ini mengakibatkan gangguan bagi bekalan letrik. Ini tentu Ahli Yang Berhormat sedia maklum Pihak L.L.N. telahpun mengambil tindakan merancang perbekalan kuasa letrik yang secukupnya di Kawasan Penaga untuk kedua-dua penggunaan tersebut. Tetapi Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum masalah-masalah yang dihadapi ialah kekurangan peruntukan kewangan dan juga bahan-bahan talikom. Pihak L.L.N. mengesahkan bahawa wayer-wayer bekalan letrik di Kawasan Penaga merupakan wayer-wayer yang lama dan selalu pula berlaku kejadian pokok tumbang. Masalah pokok tumbang ini tentu Ahli Yang Berhormat sendiri faham. Di bawah Rancangan yang sama L.L.N. sedang berusaha mengiktiarkan dengan wayer yang baru. Walau bagaimanapun sementara itu L.L.N. mempunyai satu unit pekerja yang cukup untuk mengambil tindakan ke atas sebarang panggilan perkhidmatan bagi kawasan Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai masalah talipon, Ahli Yang Berhormat sudah memaklumkan bahawa sekarang ini terdapat kemudahan dua buah talipon awam di Kuala Muda iaitu di Kawasan Yang Berhormat sendiri. Jabatan Talikom sedar bahawa alat dalam talipon-talipon tersebut adalah lama dan tidak dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan. Walau bagaimanapun, tindakan yang sewajarnya telahpun diambil dan alat-alat yang baru telah diterima. Alat tersebut sekarang ini dalam proses ujian dan akan dipasangkan untuk menggantikan alat-alat yang lama itu. Dimaklumkan bahawa kerja-kerja memasang alat-alat baru ini akan disiapkan dalam masa sebulan-dua ini, dan selepas daripada itu adalah dijangkakan bahawa kemudahan-kemudahan talipon di Kuala Muda akan pulih dan memuaskan

bagi orang-orang yang ada di Kawasan Yang Berhormat itu.

Jawapan inilah yang saya beri dan perkara-perkara yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat itu Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian dan akan disampaikan kepada Pihak yang berkenaan supaya jangan berlaku lagi, lebih-lebih lagi sebab perkara surat-surat di setengah-setengah Pejabat adalah tugas rakyat. Tentang mana kesalahannya kita tidak tahu. Adakah daripada yang mengutus atau pihak yang menerima surat? Ini semua akan disiasat. Kalau sekiranya didapati berapa perkara yang tidak sesuai dan membebankan rakyat terpaksalah perkara ini disiasat dan akan diambil tindakan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Datuk Speaker, dalam Ucapan Penangguhan ini saya membawa satu perkara iaitu Kompleks Industrial untuk Seberang Perai Selatan. Di Pulau Pinang, masalah pengangguran yang bertambah besar hari demi hari membuktikan kegagalan besar Kerajaan membentuk pekerjaan-pekerjaan untuk rakyat. Masalah ini adalah lebih hebat dirasakan di daerah luar bandar, khasnya di Seberang Perai Selatan, sebab tidak ada apa yang dibuat oleh Kerajaan ke arah ini walaupun kata-kata jaminan diberi kepada rakyat atas perusahaan luar bandar. Akhir-akhir ini Kerajaan sudah menambahkan masalah perbandaran dengan memperuntukkan perindustrian dan menambahkan masalah menyesuaikan sosial dengan melibatkan pekerja-pekerja keturunan luar bandar.

Datuk Speaker, tidak ada satu perindustrian telah dibuka di tempat ini selama enam tahun di rantau Seberang Perai Selatan. Walaupun ada dua faktor yang sesuai dan penting iaitu banyak pekerja dan cukup tanah dengan harga yang murah, Kerajaan tidak membentuk satu kemajuan di Seberang Perai Selatan. Banyak Ahli Politik Barisan Nasional telah memberi jaminan mulut untuk membuka kompleks begitu. Seberang Perai Selatan adalah satu daerah yang di rantaunya sangat banyak penduduk-

nya di Parit Buntar dan Krian. Sebagai contoh, oleh sebab cita-citanya untuk mendapat pusat perindustrian yang baru Kerajaan Negeri Perak sudah membuka satu kompleks di rantau Parit Buntar. Jikalau boleh dibuka satu kompleks di daerah Seberang Perai Selatan ini, akan melengkapkan kemajuan dengan berguna, istimewanya kepada rakyat Pulau Pinang dan daerah itu juga. Kerajaan sudah membuang peluang untuk membawa kemajuan kepada tapak luar bandar dan menghampakan Seberang Perai Selatan dan lebih suka membuang wang \$9 juta sebagaimana di Kompleks Perindustrian di Bagan Serai di mana ada satu sahaja kilang kecil sampai hari ini. Jaminan kemajuan luar bandar dan pengusahaan Seberang Perai Selatan ialah tidak lebih dari menutup mata rakyat.

Datuk Speaker, kami tidak mempunyai banyak masa lagi. Satu setengah tahun sudah lepas. Rancangan implimentasi tidak siap kerana keadaan Kerajaan yang mustahil. Datuk Speaker, kami memanggil Kerajaan seterusnya membuat satu rancangan untuk memajukan dan mengusahakan Seberang Perai Selatan untuk menghapuskan ketidak seimbangan kemajuan luar bandar dan memberi rakyat Seberang Perai Selatan syer perindustrian dan memberhentikan hanyutan pemuda-pemuda ke bandar akibat masalah sosial.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Datuk Speaker, saya bangun untuk menjawab Ucapan Penangguhan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bukit Tambun.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Tambun kerana telah membangkitkan perkara mengadakan satu kompleks perindustrian di Seberang Perai Selatan yang ada kemaengena dengan dasar Kerajaan Negeri dalam perindustrian dan memperbandarkan kawasan-kawasan luar bandar di mana Kerajaan Negeri melalui agensi pembangunannya, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah memajukan perkembangan per-

industrian di kawasan-kawasan luar-bandar seperti kawasan-kawasan perusahaan Bayan Lepas, Perai dan Bagan Serai. Kerajaan Negeri sungguh sedar tentang keperluan mengujudkan dan membawa industri-industri ke kawasan luar bandar dan ke kawasan kecil yang kurang maju di dalam Negeri untuk mengujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk-penduduk di kawasan itu. Dengan ini dapatlah kita meninggikan taraf hidup mereka.

Bagi kebaikan Ahli Yang Berhormat Bukit Tambun, Kerajaan Negeri adalah selaras dengan dasar memper-industri dan memperbandarkan kawasan luar bandar, telah mengkhas dan menandakan kira-kira 600 ekar tanah di kawasan Sungai Bakap/Nibong Tebal di Seberang Perai bagi tujuan

menubuhkan satu pusat perkembangan baru yang mana akan menampung keperluan satu pusat pentadbiran, kawasan kediaman dan perusahaan kecil. Cadangan pembangunan ini telahpun dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Saya yakin bahawa cadangan ini akan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan di dalam Negeri kita.

Terima kasih.

Datuk Speaker: Ahli Yang Berhormat Encik Ong Yi How telah menarik diri dari memberi Ucapan Penangguhan di sini.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.38 petang.